



LAPORAN TAHUNAN | 2006





LAPORAN TAHUNAN **2006**

JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA



Aras 5, Blok D3, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62530 Putrajaya
Talian Utama: 03-8886 5000
Pusat Panggilan: 03-8888 9111
Faks: 03-8889 2368
Email: jtksm@mohr.gov.my
Website: <http://jtksm.mohr.gov.my>



KANDUNGAN

SEPINTAS LALU

6	Visi
6	Misi
6	Objektif
7	Dasar Kualiti
8	Perutusan Ketua Pengarah
10	Carta Organisasi
11	Gambar Persidangan Pegawai-Pegawai Kanan JTKSM
12	Gambar Pengurusan Tertinggi
14	Piagam Pelanggan
15	Kalendar 2006
17	Perhimpunan Hari Pekerja 2006

LAPORAN PRESTASI BAHAGIAN

BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PERANCANGAN

21	Pemantauan Pemberhentian Pekerja
26	Pemantauan Pemberhentian Pekerja Secara Sukarela
27	Perlaksanaan Pengawasan Pemberhentian Pekerja
30	<i>Enforcement Management System (EMS)</i> Sebagai Mercu Tanda Kementerian Sumber Manusia
33	Kajian-Kajian Yang Dijalankan Oleh Bahagian Penyelidikan Dan Perancangan
33	• <i>Kajian Sikap Pencari-Pencari Kerja Terhadap Pekerjaan Yang Mencabar, Kreatif dan Fleksibel Di Semenanjung Malaysia</i>
34	• <i>Report on Labour Market Information Survey (Finding and Discoveries)</i>
35	• <i>Kajian Sikap Pencari-Pencari Kerja Di Semenanjung Malaysia</i>
35	• <i>Kajian Sikap Majikan Terhadap Pencari Kerja Di Semenanjung Malaysia</i>

BAHAGIAN STANDARD PERBURUHAN

44	Unit Aduan
46	Penganugerahan Sijil MS ISO 9001 : 2000
47	Unit Hal Ehwal Wanita, Kanak-Kanak, OKU dan <i>Special Groups</i>
48	Gangguan Seksual Di Tempat Kerja
51	Unit Pekerja Asing
53	Pemeriksaan Audit, Pembangunan dan Ladang
55	Penggajian Pekerja Asing



LAPORAN TAHUNAN 2006

JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA | KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA



BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

65	Unit Kewangan
65	Unit Perjawatan dan Perkhidmatan
67	Unit Pengurusan Prestasi, Kaunseling dan Tata Tertib
67	Unit Latihan
68	Unit Perhubungan Awam
69	Sambutan Hari Kualiti
73	Senarai Perjawatan

BAHAGIAN PERKHIDMATAN PEKERJAAN

77	Unit Agensi Pekerjaan Swasta
77	• <i>Memproses Permohonan Baru</i>
78	Unit Penguatkuasaan Agensi Pekerjaan Swasta
80	Unit Pencari Kerja dan Penjodohan Pekerjaan
81	• <i>Kekosongan Jawatan</i>
81	• <i>Penempatan</i>
82	Unit Bimbingan Kerja dan Promosi
82	• <i>Karnival Pekerja</i>
83	• <i>Temuduga Terbuka</i>
83	• <i>Ceramah Kerjaya</i>

BAHAGIAN PERUNDANGAN DAN PENGUATKUASAAN

90	Pengendalian Kes Buruh
95	Analisis Tuntutan Kes Buruh
96	Penguatkuasaan Perintah Mahkamah Buruh
98	Rayuan Perintah Mahkamah Buruh
101	Pendakwaan
103	Pengendalian Tuntutan Pampasan Pekerja
107	Pengeluaran Permit Perburuhan
108	Surat Pelepasan Kontrak

ALAMAT PEJABAT-PEJABAT TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA

113	Alamat
118	Lokasi

SIDANG REDAKSI

120	Gambar Ahli Sidang Redaksi
-----	----------------------------



<http://jtksm.mohr.gov.my>





Sepintas Lalu

Visi

Penggerak Utama di Dalam Menjana Pengurusan Sumber Manusia yang Cemerlang di Sektor Swasta.



<http://jtksm.mohr.gov.my>

Misi

Membangun masyarakat industri yang produktif, bermaklumat, berdisiplin, penyayang serta responsif kepada perubahan-perubahan persekitaran dalam suasana perburuhan.



Objektif

Melindungi kepentingan dan memajukan kebajikan masyarakat industri;

Mengutamakan dan mengekalkan peluang-peluang pekerjaan kepada warganegara

Membantu industri meningkatkan daya saing bagi menghadapi cabaran-cabaran globalisasi; dan

Mewujudkan masyarakat industri yang berpengetahuan dalam hal-hal berkaitan undang-undang perburuhan untuk membina suasana perburuhan yang kondusif bagi pembangunan perindustrian dan pelaburan.



Dasar Kualiti

JTKSM adalah komited untuk mengendalikan sebarang aduan buruh demi mewujudkan suasana kerja yang harmoni bagi menjamin kepuasan pelanggan dan ditingkatkan secara berterusan.



PERUTUSAN KETUA PENGARAH

Sepanjang tahun 2006 Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) telah dapat mengukuhkan peranannya yang meliputi dua aspek utama iaitu pentadbiran undang-undang buruh dan perkhidmatan pekerjaan. Hal ini begitu ketara dengan peruntukan kewangan yang besar bagi menjayakan pelbagai aktiviti yang menjurus ke arah memelihara dan memajukan kepentingan masyarakat industri termasuk memperhebatkan usaha mempromosi peluang-peluang pekerjaan untuk warga tempatan. Peruntukan bagi perbelanjaan Jabatan telah meningkat sebanyak 19% iaitu daripada RM31.1 juta pada tahun 2005 kepada RM37 juta pada tahun 2006.

Daripada segi pentadbiran undang-undang buruh Jabatan telah menggunakan sepenuhnya penjana laporan aktiviti utama menerusi Sistem *Electronic Labour Exchange* (ELX) yang membolehkan pemantauan dibuat secara lebih berkesan dan capaian data yang lebih efisien. Perkhidmatan pekerjaan juga telah ditingkatkan keupayaannya menerusi Sistem Penjodohan Pekerjaan (JCS) di mana jumlah pencari kerja yang mendaftar telah mencapai jumlah 118,748 orang pada tahun 2006. Perkhidmatan juga diperluaskan dengan mewajibkan majikan yang ingin mengambil pekerja asing berdaftar dengan JCS untuk memberi keutamaan kepada pekerja tempatan mengisi kekosongan yang ada sebelum dibenarkan mengambil pekerja asing. Sehingga akhir tahun 2006, sebanyak 31,944 majikan telah menggunakan perkhidmatan ini dan sebanyak 17,493 penempatan telah berjaya dilakukan.

Secara keseluruhannya, pencapaian Jabatan dalam mengendalikan aktiviti teras seperti pemeriksaan penguatkuasaan, pengendalian kes buruh, siasatan aduan dan pemprosesan permit perburuhan telah menunjukkan peningkatan. Sebagai contoh pencapaian Jabatan dalam mengendalikan kes tuntutan di Mahkamah Buruh adalah bertambah baik dengan 82% kes yang dikendalikan sepanjang tahun 2006 telah dapat diselesaikan dalam tahun yang sama berbanding dengan 78% pada tahun sebelumnya. Langkah penambahbaikan akan diteruskan dan disamping itu Jabatan perlu



menguatkan lagi keberkesanan dan kualiti dalam memberi pendidikan perburuhan supaya masyarakat industri akan menjadi lebih berpengetahuan.

Tahun 2006 juga menyaksikan Jabatan telah diberi kepercayaan untuk melaksanakan peranan yang signifikan dalam menjayakan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Antara lain, JTKSM dipertanggungjawabkan bagi menyalurkan kemudahan untuk golongan pekerja khususnya warga di sektor perladangan dan golongan orang kurang upaya (OKU). Sejumlah RM 26.45 juta telah diperuntukkan bagi tujuan ini untuk tempoh sehingga tahun 2010.

Di bawah projek (RMK-9) dari tahun 2006-2010, sejumlah RM 22 juta telah diperuntukkan untuk melaksanakan Skim Bantuan Geran Perniagaan Orang Kurang Upaya (SBGPOKU) selaras dengan matlamat iaitu “Bantu usahawan OKU membantu OKU mendapatkan pekerjaan”, manakala sejumlah RM4.45 juta akan disalurkan untuk projek bantuan dan pementapan pendidikan serta pengasuhan kanak-kanak di ladang.

JTKSM dijangka akan terus diberi kepercayaan oleh Kerajaan untuk menangani isu-isu perburuhan bukan sahaja di peringkat nasional malah di peringkat antarabangsa. Ini merupakan satu cabaran yang amat besar dan memerlukan komitmen yang tinggi serta tahap kompetensi yang cemerlang.

Justeru, usaha yang berterusan akan dilakukan untuk meningkatkan modal insan yang berdaya saing, berpengetahuan, berkepakaran, proaktif dan berpegang pada nilai-nilai yang unggul murni akan terus diberi keutamaan.

DATO' ISMAIL BIN HAJI ABDUL RAHIM
KETUA PENGARAH TENAGA KERJA
SEMENANJUNG MALAYSIA



CARTA ORGANISASI





GAMBAR PERSIDANGAN

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN JTKSM



DUDUK DARI KIRI: MAZLAN B. AB. GHANI, AHMAD MUDI ONN B. NOR, NORAINI BT. ABU TALIB, MOHD. ARIFFIN B. ABD. AZIZ, AHMAD KHUSAIRI B. LOPE ABDUL RAHMAN, SH. YAHYA B. SH. MOHAMED, Y. BHG. DATO' ISMAIL BIN. HJ. ABDUL RAHIM (KETUA PENGARAH), Y. BHG. DATO' THOMAS GEORGE (KETUA SETIAUSAHA), TN. HJ. MOHD. SHARIF B. HUSSEIN (TIMB. KETUA SETIAUSAHA (P)), ABDUL RAHMAN B. YUSOF, KHAMIS B. A. R. MAJID, ABD. RAHIM B. MOHD. SAID, SAFIAN B. HAMZAH, OMANA PILLAI, JACK MERUDU KO.

BARISAN KEDUA: ABD. RASHID B. AWANG, SAHABUZAN B. HASSAN, MD. HATTA MD. JAUHAR, NOOR ARZILA BT. ARIFFIN, JULIANA FERNANDEZ, RUZITA BT. BAHARI, AZIZAH BT. JAAFAR, MERIAM BT. MOHD NOOR, NURHASILA BT. HABIB, LATIFAH BT. AHMAD TAZALLI, ZAINAH BT. SHUIB, SUBASHINI/AP MURUGAYA, SURAIYA CH'NG BT. ABDULLAH, SYAMSINAR BT. HASHIM, NURASHIKIN BT. SABIRIN, MOHD NIZAR B. ZAKARIA, CHE ROKMAN B. CHE AWANG.

BARISAN KETIGA: MOHD. SAZALI B. KETEH, MOHD. AZHAR B. AHMAD, MOHD JARJIS B. ABDULLAH, KHALID B. JALI, DR. KAMAL B. HAMID, MUSTAFA B. ALI, ZAINI B. YAACOB, MUSTAFFA KAMAL B. BAWAHI, WAN ZULKIFLI B. WAN SETAPA, NIK MUSTAPHA B. NIK YAACUB, ZAINAL ABIDIN ZAINUDDIN, AWANG RADUAN AWANG OMAR, ABD. RAZAK B. SANGAT, AZRUL HISHAM BIN. KAMARUZZAMAN, AHMAD BADRI B. JAAFAR, RAHMAT B. ISMAIL.

BARISAN KEEMPAT: S. THARU MARAJAN, ISMAIL BIN IBRAHIM, YUSOFF B. HARUN, MOHD. AZMI B. MUHAMMUD, MANAN B. H. A. SALAM, ROSLEE SABARUDDIN B. ABU, JAI KUMAR @ UMAR ABDULLAH, BURHANUDDIN B. JUSOH, ENGGU ADLIN ENGGU MOHD. ARIFFIN, KAMAL BAHRAIN B. ABD. MAJID, WAN ISMAIL WAN IBRAHIM, PEZMAN B. CHE HUSSAIN, SULIMAN ZAKARIA.

JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA





Pengurusan Tertinggi

Jabatan Tenaga Kerja
Semenanjung Malaysia

- DUDUK DARI KIRI :**
- TN. SH. YAHYA BIN SH. MOHAMED**
(TIMBALAN KETUA PENGARAH TENAGA KERJA)
 - Y. BHG. DATO' ISMAIL BIN HAJI ABDUL RAHIM**
(KETUA PENGARAH TENAGA KERJA)
 - PN. OMANA P.V.C PILLAI**
(PENGARAH BAHAGIAN PERUNDANGAN DAN PENGUATKUASAAN)
- BERDIRI DARI KIRI:**
- TN. HJ. ARIFFIN BIN ABDUL AZIZ**
(PENGARAH BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN)
 - EN. SAFIAN BIN HAMZAH**
(PENGARAH BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PERANCANGAN)
 - EN. AHMAD MUDI ONN BIN NOR**
(PENGARAH BAHAGIAN PERKHIDMATAN PEKERJAAN)
 - EN. WAN ZULKFLI BIN WAN SETAPA**
(PENGARAH BAHAGIAN STANDARD PERBURUHAN)
(MULAI 1/3/2007)



PIAGAM PELANGGAN

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia adalah bertanggungjawab ke atas kebajikan pekerja dan kepentingan majikan serta pelaksanaan dasar-dasar perburuhan negara bagi mewujudkan tenaga kerja yang komited dan produktif. Dengan ini kami berjanji akan memberi perkhidmatan yang cekap dan cepat, jujur dan amanah serta ikhlas dan mesra untuk :

1. **Memproses dan meluluskan permohonan permit perburuhan:**
 - Di bawah Akta Kerja 1955 dalam tempoh satu bulan
 - Di bawah Akta Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 dalam tempoh dua bulan
2. Menyasat setiap pengaduan awam dalam tempoh dua bulan
3. Membicara dan memutuskan setiap kes tuntutan dalam tempoh tiga bulan kecuali kes yang melibatkan kompleksiti undang-undang atau teknikal.
4. Mengeluarkan taksiran pampasan pekerja:
 - Bagi kes hilang upaya sementara, dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan laporan perubatan.
 - Bagi kes hilang upaya kekal, mengeluarkan taksiran pampasan muktamad dalam tempoh satu bulan dari tarikh penerimaan laporan perubatan terakhir.
 - Bagi kes kemalangan maut, mengeluarkan taksiran muktamad dalam tempoh satu bulan dari tarikh penerimaan maklumat.
5. Memberi khidmat nasihat dan menjawab kemusykilan pelanggan dengan cepat, tepat dan mesra.
6. Memproses dan meluluskan permohonan lesen agensi pekerjaan swasta dalam tempoh dua bulan dan pembaharuan lesen dalam tempoh satu bulan.



KALENDAR 2006

- 22-26 Januari Persidangan Tahunan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan di Hotel City Bayview, Pulau Pinang.
- 3 Februari Majlis perasmian penubuhan Bengkel Projek Kilang Jahitan OKU SAMSUNG/ Bengkel Seri Sembilan, Negeri Sembilan. Ianya telah disempurnakan oleh Y.B Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Mohammad Bin Hassan.
- 26-29 Mac Bengkel Penyediaan Pelan Tindakan Ke Arah Memperkasa Unit Hal Ehwal Wanita, Kanak-kanak, OKU dan *Special Group*, di Hotel Grand Continental, Langkawi.
- 20-22 April Karnival Pekerjaan di Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.
- 13 Mei Sambutan Hari Pekerja 2006 bertempat di Stadium Putra, Bukit Jalil, Kuala Lumpur.
- 27-28 Mei Karnival Pekerjaan di *Terminal One*, Seremban, Negeri Sembilan.
- 17-18 Jun Karnival Pekerjaan di KOMTAR , Pulau Pinang.
- 24-25 Jun Karnival Pekerjaan di Kompleks Ujana Kewangan, Labuan.
- 29-30 Jun Karnival Pekerjaan Khas untuk Golongan Orang Kurang Upaya (OKU) bertempat di Hotel The Legend, Kuala Lumpur. Majlis pelancaran telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia, Y.B Datuk Abd. Rahman bin Bakar.
- 7-8 Julai Karnival Pekerjaan di Marang, Terengganu.
- 22-23 Julai Karnival Pekerjaan di Dewan Hang Tuah, Melaka.
- 5-6 Ogos Karnival Pekerjaan di UiTM, Perak.



13-16 Ogos	Persidangan Setengah Tahun Pegawai-pegawai Kanan JTKSM bertempat di A'Famosa Resort, Melaka.
17-18 Ogos	Karnival Pekerjaan di USM, Kubang Krian, Kelantan.
21-25 Ogos	Program Minggu Kesedaran Untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual Di Tempat Kerja telah dirasmikan oleh Y.B Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn bertempat di Hotel Holiday Villa, Subang, Selangor.
16-17 September	Karnival Pekerjaan di Plaza Kota Raya, Johor.
18-19 November	Karnival Pekerjaan di Bandar Indera Mahkota, Pahang.
25-26 November	Karnival Pekerjaan di Perpustakaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.
18-20 Disember	Karnival Pekerjaan di Kompleks PKNS Shah Alam, Selangor.
21 Disember	Sambutan Hari 'Q' Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia peringkat Ibu Pejabat. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan antara lain ialah lafaz ikrar sempena Hari 'Q', Kuiz Hari Q dan peraduan penulisan esei.





PERHIMPUNAN HARI PEKERJA 2006

“Pekerja Cemerlang Negara Terbilang”

Latar Belakang

Hari Pekerja mula diiktiraf sejak tahun 1973 apabila kerajaan mengisytiharkan 1 Mei setiap tahun sebagai Hari Kelepasan Am (Cuti Umum). Kerajaan telah menganjurkan Perhimpunan Hari Pekerja mulai tahun 1991.

Perhimpunan Hari Pekerja disambut dengan berkonsepkan ‘*Tripartite Solidarity*’ iaitu bertujuan menerapkan semangat kerjasama dan perpaduan tiga pihak di antara Kerajaan, majikan dan pekerja. Kementerian Sumber Manusia mengadakan Perhimpunan Hari Pekerja 2006 pada 13 Mei 2006 (Sabtu), jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengahari, bertempat di Stadium Putra Bukit Jalil, Kuala Lumpur. Tema untuk sambutan kali ini ialah “Pekerja Cemerlang Negara Terbilang” dan Tetamu Kehormat ialah YB. Dato’ Seri Najib Tun Razak, Timbalan Perdana Menteri Malaysia.



Objektif Perhimpunan Hari Pekerja

- Mengiktiraf dan menghargai sumbangan golongan pekerja kepada pembangunan negara; dan
- Mengeratkan semangat kerjasama dan permuafakatan antara tiga pihak iaitu, Kerajaan, majikan, pekerja dalam usaha membangunkan negara.

Penyertaan

Perhimpunan ini disertai oleh seramai 11,088 orang yang terdiri daripada kontinjen yang mengambil bahagian iaitu sektor swasta, sektor awam/agensi, persatuan dan 179 pertubuhan Orang Kurang Upaya.



Selain itu, seramai 1,000 orang jemputan yang terdiri daripada jemputan VIP, peserta-peserta persembahan, penyambut-penyambut tetamu, petugas RTM, petugas-petugas Jawatan Kuasa dan anggota Keselamatan serta lain-lain lagi.

Penglibatan

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) telah dilantik sebagai Jawatankuasa Kecil Perhimpunan Hari Pekerja 2006. Berikut adalah tugas yang dipertanggungjawabkan kepada JTKSM.

- Jemputan kontinjen swasta dan awam
- Hal - ehwal OKU
- Susunan kontinjen di dalam stadium
- Penyambut tetamu
- Penghantaran sijil
- Pertandingan slogan
- Kewangan
- Makan bersama Perdana Menteri
- Taklimat ketua kontinjen
- Jemputan kenamaan



LAPORAN TAHUNAN **2006**

JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA | KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA



Bahagian
**PENYELIDIKAN &
PERANCANGAN**





MAJLIS PELANCARAN SKIM BANTUAN GALAKAN PERNIAGAAN ORANG KURANG UPAYA (SBGP-OKU)

OLEH
YB DATUK SRI DR. FONG HAN ONN
TAHAP SUKSES MALAYSIA





BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PERANCANGAN

Pendahuluan

Bahagian Penyelidikan Dan Perancangan terdiri daripada tiga unit utama iaitu Unit Kajian dan Penyelidikan, Unit Pengkomputeran dan Unit Statistik dan Pemantauan. Ia diketuai oleh seorang Pengarah dan dibantu oleh sembilan orang pegawai dan kakitangan.

Selain terlibat di dalam aktiviti kajian dan penyelidikan, Bahagian ini memberi tumpuan terhadap pembangunan Sistem Pengurusan Penguatkuasaan (*Enforcement Management System*) yang akan menjadi teras utama sumber maklumat di peringkat Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia.

Fungsi Bahagian

- Memantau perkembangan pasaran buruh untuk tujuan perancangan dasar dan strategi pelaksanaan.
- Membangun dan meningkatkan pangkalan data maklumat pasaran buruh.
- Memantau prestasi Jabatan untuk perancangan strategi dan pencapaian sasaran.
- Bertindak sebagai Ahli Jawatankuasa Teknikal EMS.
- Sebagai penasihat Jabatan berkenaan semua pelaksanaan sistem-sistem ICT.

Prestasi Aktiviti Tahun 2006

Pemantauan Pemberhentian Pekerja

Pengenalan

JTKSM telah dipertanggungjawabkan memantau aktiviti pemberhentian kerja sejak tahun 1997. Peruntukan ini dikuatkuasakan mulai 1 Februari 1998 melalui Seksyen 63 Akta Kerja 1955; dan memantau pemberhentian pekerja secara sukarela, pemberhentian kerja sementara dan pengurangan gaji dengan mewajibkan majikan melaporkan kepada JTKSM sekurang-kurangnya sebulan sebelum melaksanakan langkah-langkah tersebut.



Perbandingan Pemberhentian Pekerja Tahun 2005 dan 2006

Sepanjang tahun 2006, jumlah keseluruhan pekerja yang diberhentikan adalah seramai 16,495 orang (**Jadual 1**). Ia menunjukkan peningkatan sebanyak 5%, berbanding tahun 2005 iaitu 15,806 orang pekerja.

Pemberhentian Pekerja Mengikut Negeri

Selangor mencatatkan bilangan tertinggi pekerja yang diberhentikan pada tahun 2006 iaitu seramai 4,830 berbanding tahun 2005 seramai 3,684 orang pekerja (**Jadual 1**). Manakala Labuan telah mencatatkan bilangan pemberhentian yang terendah pada tahun 2006 iaitu hanya satu orang pekerja diberhentikan.

Pemberhentian Pekerja Mengikut Sektor

Aliran pemberhentian mengikut sektor memperlihatkan sektor pembuatan mendahului sektor-sektor lain di mana sepanjang tahun 2006 seramai 8,852 orang pekerja telah diberhentikan, penurunan sebanyak 25% berbanding seramai 11,798 orang pekerja dalam sektor yang sama pada tahun 2005 (**Jadual 2**).

Sektor kedua tertinggi ialah sektor Perkhidmatan Masyarakat, Sosial dan Persendirian, Pendidikan dengan bilangan seramai 2,209 pekerja yang telah diberhentikan.

Pemberhentian Pekerja Mengikut Kategori Pekerjaan

Dari segi kategori pekerjaan, majoriti pekerja yang diberhentikan adalah pekerja Operator dan Pemasangan Loji dan Mesin iaitu seramai 5,745 orang. Manakala kategori pekerjaan yang paling sedikit dicatatkan oleh Kategori Kerja Pertanian dan Perikanan Mahir iaitu seramai 421 orang pekerja (**Carta 1**).

Pemberhentian Pekerja Mengikut Sebab Utama

Berdasarkan analisa yang dibuat, sebab utama pemberhentian adalah disebabkan oleh *outsourcing* yang dilaksanakan. Bilangan majikan yang terlibat adalah sebanyak 289 majikan. Selain itu, 134 majikan menyatakan alasan kos pengeluaran tinggi, kejatuhan pasaran produk mencatatkan sebanyak 47 majikan. Kemerosotan permintaan telah melibatkan sebanyak 111 majikan juga menyumbang kepada tindakan pemberhentian. Penjualan syarikat pula disumbang oleh 28 majikan.

Pembayaran Pemberhentian

Faedah-Faedah Statutori

Ia memastikan pekerja-pekerja yang terlibat mendapat faedah penamatan kerja yang diperuntukkan dalam Peraturan-Peraturan Kerja (Faedah-Faedah Penamatan Dan Renti Kerja Sentara) 1980.



JADUAL 1
PEMBERHENTIAN PEKERJA MENGIKUT NEGERI, WARGANEGARA DAN JANTINA TAHUN 2005 DAN 2006

NEGERI	2005						2006							
	TEMPATAN			ASING			TEMPATAN			ASING				
	L	P	JUMLAH	L	P	JUMLAH	JUMLAH BESAR	L	P	JUMLAH	L	P	JUMLAH	JUMLAH BESAR
KEDAH / PERLIS	537	929	1,466	2	0	2	1,468	356	580	936	0	0	0	936
PULAU PINANG	1,076	800	1,876	290	339	629	2,505	1,490	1,307	2,797	88	398	486	3,283
PERAK	629	1,822	2,451	41	271	312	2,763	546	368	914	41	0	41	955
W.P. K. LUMPUUR	628	534	1,162	9	1	10	1,172	924	650	1,574	84	0	84	1,658
SELANGOR	2,415	1,123	3,538	145	1	146	3,684	2,953	1,248	4,201	629	0	629	4,830
PAHANG	132	168	300	0	0	0	300	112	94	206	9	0	9	215
TERENGGANU	146	125	271	0	0	0	271	230	221	451	17	32	49	500
KELANTAN	186	633	819	0	0	0	819	29	41	70	0	0	0	70
NEGERI SEMBILAN	105	227	332	0	0	0	332	241	236	471	64	0	64	541
MELAKA	128	150	278	0	0	0	278	295	236	531	79	21	100	631
JOHOR	863	1,083	1,946	237	25	262	2,208	1,123	1,413	2,536	199	140	339	2,875
LABUAN	2	4	6	0	0	0	6	0	1	1	0	0	0	1
JUMLAH	6,847	7,598	14,445	724	637	1,361	15,806	8,299	6,395	14,694	1,210	591	1,801	16,495


JADUAL 2
PEMBERHENTIAN PEKERJA MENGIKUT SEKTOR, WARGANEGARA DAN JANTINA TAHUN 2005 DAN 2006

SEKTOR	2005						2006										
	TEMPATAN			ASING			TEMPATAN			ASING							
	L	P	JUMLAH	L	P	JUMLAH	JUMLAH BESAR	L	P	JUMLAH	L	P	JUMLAH	JUMLAH BESAR			
Pertanian, Perhutanan, Penternakan dan Perikanan	99	113	212	0	0	0	0	0	0	0	164	148	312	28	0	28	340
Perlombongan dan Kuari	293	56	349	6	0	6	0	0	0	0	82	5	87	0	0	0	87
Pembuatan	4,385	6,112	10,497	666	635	1,301	11,798	3,440	4,293	7,733	560	559	1,119	1,119	8,852	8,852	
Elektrik, Gas dan Air	0	0	0	0	0	0	0	22	43	65	0	0	0	0	0	0	65
Pembinaan	251	60	311	1	0	1	312	389	167	556	64	0	64	64	620	620	
Perdagangan Borong dan Runcit, Restoran dan Hotel	660	575	1,235	5	0	5	1,240	1,115	376	1,491	12	0	12	12	1,503	1,503	
Pengangkutan, Penyimpanan dan Perhubungan	490	210	700	4	0	4	704	1,522	280	1,822	2	0	2	2	1,824	1,824	
Perkhidmatan Kewangan, Insurans, Harta Benda dan Perniagaan	289	158	447	1	1	2	449	586	407	993	2	0	2	2	995	995	
Perkhidmatan Masyarakat, Sosial dan Persendirian, Pendidikan	380	314	694	41	1	42	736	1,273	334	1,607	602	0	602	602	2,209	2,209	
Jumlah	6,847	7,598	14,445	724	637	1,361	15,806	8,593	6,395	14,666	1,270	559	1,829	1,829	16,495	16,495	





CARTA 1
CARTA BAR MENUNJUKKAN JUMLAH PEMBERHENTIAN PEKERJA
MENGIKUT KATEGORI PEKERJAAN TAHUN 2005 DAN 2006





Memastikan pekerja mendapat faedah-faedah lain iaitu:

- i. Bayaran gaji ganti notis sekiranya pihak majikan gagal memberi notis yang mencukupi;
- ii. Bayaran *contractual* bonus sekiranya ada;
- iii. Bayaran baki cuti tahunan mengikut kelayakan dan belum diambil oleh pekerja; dan
- iv. apa-apa faedah seperti dinyatakan di dalam kontrak perkhidmatan atau Perjanjian Bersama.

Bayaran Pemberhentian

Majikan yang memberhentikan pekerja adalah dikehendaki membayar faedah pemberhentian mengikut peruntukan yang telah ditetapkan. Di bawah Peraturan-Peraturan Kerja (Faedah-Faedah Penamatan dan Renti Kerja Sentara) 1980, pekerja yang diberhentikan hendaklah dibayar faedah pemberhentian kerja seperti berikut:

- 10 hari gaji bagi setiap tahun perkhidmatan jika telah bekerja kurang dari 2 tahun.
- 15 hari gaji bagi setiap tahun perkhidmatan jika telah bekerja 2 tahun atau lebih tetapi kurang dari 5 tahun.
- 20 hari gaji bagi setiap tahun perkhidmatan jika telah bekerja 5 tahun atau lebih.

Pada tahun 2006, Kuala Lumpur telah mencatatkan angka tertinggi iaitu RM 47,986,749.19 bagi jumlah yang perlu dibayar. Jumlah yang telah dibayar pula ialah RM 14,005,121.15. Ia diikuti oleh Pulau Pinang iaitu, RM 32,103,803.60 bagi jumlah yang perlu dibayar dan pembayaran yang telah diterima ialah sebanyak RM 32,057,996.21. Manakala Labuan mencatatkan pembayaran terendah iaitu RM 5,148.21.

Pemantauan Pemberhentian Pekerja Secara Sukarela (*Voluntary Separation Scheme*)

Pemberhentian pekerja secara sukarela adalah satu pemberhentian yang melibatkan persetujuan antara kedua-dua majikan dan pekerja. Dalam era globalisasi, syarikat juga perlu membuat transformasi dan merangka strategi baru dalam konteks perancangan strategi syarikat bagi mengoptimumkan keuntungan syarikat dengan *survival* syarikat itu sendiri.

Perbandingan Pemberhentian Pekerja Secara Sukarela Tahun 2005 dan 2006

Pada tahun 2006, seramai 8,814 pekerja telah terlibat dengan pemberhentian pekerja secara sukarela berbanding tahun 2005 iaitu 13,677 orang pekerja. Penurunan sebanyak 36% menggambarkan pihak syarikat telah mengambil langkah pemulihan tenaga kerja secara proaktif dengan mengoptimumkan penggunaan tenaga kerja dengan permintaan pasaran. Walau bagaimanapun pada tahun 2006, Pulau Pinang mencatatkan angka yang tertinggi iaitu 2,766 dalam pemberhentian pekerja secara sukarela berbanding tahun 2005



iaitu Kuala Lumpur seramai 6,710 orang pekerja. Terengganu mencatatkan bilangan terendah iaitu seramai 20 orang pekerja sahaja.

Pemberhentian Secara Sukarela Mengikut Sektor

Sektor pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan mencatatkan bilangan tertinggi iaitu seramai 6,189 orang pekerja pada tahun 2006 berbanding tahun 2005 hanya seorang pekerja sahaja yang terlibat.

Sektor elektrik, gas dan air tidak mencatatkan apa-apa kadar pemberhentian sukarela berbanding tahun 2005, iaitu telah mencatatkan 19 orang pekerja.

Pemberhentian Pekerja Secara Sukarela mengikut Kategori Pekerjaan dan Jantina

Bagi tahun 2006, kategori pekerjaan perkeranian dan yang berkaitan telah mencatatkan bilangan tertinggi berbanding kategori pekerjaan lain. Seramai 4,120 orang pekerja telah terlibat.

Kategori pekerja pentadbiran dan pengurusan pula mencatatkan seramai 958 orang pekerja yang terlibat, manakala kategori pekerja profesional, teknikal dan berkaitan mencatatkan seramai 1,658 orang pekerja yang terlibat.

Kategori pekerja pengeluaran dan yang berkaitan, operator peralatan, pengangkutan dan buruh (Pekerja mahir, pekerja separuh mahir dan pekerja am) telah mencatatkan peningkatan sebanyak 13% iaitu 3,152 orang pekerja berbanding tahun 2005 seramai 2,795 orang pekerja terlibat.

Perlaksanaan Pengawalan Pemberhentian Pekerja

Pemberhentian bermaksud penamatan kontrak perkhidmatan akibat keadaan berlebihan pekerja yang timbul daripada beberapa sebab seperti penutupan syarikat, penyusunan semula syarikat, pengurangan pengeluaran, penggabungan syarikat, perubahan teknologi, pengambilalihan syarikat, kegawatan ekonomi dan lain-lain.

Langkah-langkah yang harus diambil oleh majikan untuk mengelakkan pemberhentian pekerja:

- Pengambilan pekerja baru hendaklah dibekukan kecuali bagi bidang-bidang kritikal.
- Menghadkan kerja lebih masa.
- Menghadkan kerja pada hari rehat mingguan dan cuti am.
- Mengurangkan hari-hari bekerja dalam seminggu atau mengurangkan bilangan kerja giliran.
- Mengurangkan waktu bekerja harian.
- Mengadakan program latihan semula kepada pekerja.



- Mengenalpasti kerja-kerja alternatif dan pertukaran ke bahagian kerja lain di dalam syarikat yang sama.
- Melaksanakan pemberhentian kerja secara sementara, misalnya dalam bentuk penutupan sementara dengan menawarkan gaji yang berpatutan dan membantu mereka mendapatkan kerja sementara di tempat lain sehingga operasi dapat diteruskan semula.
- Pengurangan gaji pekerja yang dibuat secara adil di semua peringkat dan dilaksanakan sebagai langkah akhir selepas langkah-langkah penjimatan kos lain yang sudah dilaksanakan.

Adalah menjadi keutamaan dengan mendapatkan persetujuan pekerja atau Kesatuan Sekerja yang mewakili mereka.

Langkah-langkah yang patut diambil oleh majikan jika pengurangan kerja terpaksa dilakukan:

- Memaklum dan mengadakan perbincangan dengan pekerja dan Kesatuan Sekerja yang mewakili mereka dengan secepat mungkin mengenai pemberhentian pekerja yang dilakukan.
- Menawarkan skim pemberhentian atau persaraan secara sukarela dengan kadar bayaran pampasan yang sebaik mungkin.
- Membesarkan pekerja-pekerja yang berumur lebih dari umur persaraan biasa.
- Membantu pekerja-pekerja mencari kerja di tempat pekerjaan lain sebelum pemberhentian dibuat dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja di bawah Kementerian Sumber Manusia.
- Melaksanakan pemberhentian pekerja secara berperingkat-peringkat dalam tempoh yang lebih panjang.
- Pekerja asing hendaklah diberhentikan dahulu daripada pekerja tempatan dalam kategori pekerjaan yang sama.
- Jika pemberhentian melibatkan pekerja tempatan, prinsip “LIFO” (*Last in First Out*) hendaklah digunakan dalam kategori pekerjaan yang sama. Walau bagaimanapun majikan boleh juga melaksanakan pemberhentian pekerja menurut kriteria-kriteria tertentu setelah berunding dan mendapat persetujuan dari pihak pekerja atau kesatuan sekerja yang mewakili mereka.

Hak-Hak Pekerja Yang Terlibat Dengan Pemberhentian Pekerja

Hak-Hak Pekerja Di Bawah Akta Kerja 1955

- Tempoh notis hendaklah mengikut kontrak perkhidmatan tetapi tidak boleh kurang daripada yang ditetapkan dalam Akta Kerja 1955 iaitu;
 - a) 4 minggu notis jika pekerja telah bekerja kurang dari 2 tahun;



- b) 6 minggu notis jika pekerja telah bekerja selama 2 tahun tetapi kurang daripada 5 tahun;
 - c) 8 minggu notis jika pekerja telah bekerja lebih daripada 5 tahun.
- Sekiranya majikan gagal memberi notis yang mencukupi, pekerja adalah layak mendapat gaji ganti notis. Gaji ganti notis hendaklah dibayar dengan sepenuhnya selewat-lewatnya pada hari kontrak ditamatkan.
 - Kadar faedah pemberhentian hendaklah mengikut kontrak perkhidmatan tetapi tidak boleh kurang daripada kadar yang ditetapkan dalam Akta Kerja 1955 iaitu:
 - a) 10 hari gaji bagi setiap tahun perkhidmatan jika kurang daripada 2 tahun;
 - b) 15 hari gaji bagi setiap tahun perkhidmatan jika pekerja telah berkhidmat selama 2 tahun tetapi kurang daripada 5 tahun;
 - c) 20 hari gaji bagi setiap tahun perkhidmatan jika pekerja telah berkhidmat 5 tahun atau lebih.
 - Faedah pemberhentian kerja hendaklah dibayar selewat-lewatnya 7 hari dari tarikh kontrak perkhidmatan ditamatkan.
 - Sekiranya hak-hak di atas tidak diperolehi, pekerja boleh membuat aduan di Pejabat Tenaga Kerja yang berhampiran.

Hak-Hak Pekerja di Bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967

- Jika ada Perjanjian Bersama, syarat-syarat berkaitan dengan pemberhentian pekerja dan kadar yang patut dibayar kepada pekerja hendaklah tidak kurang daripada apa yang dinyatakan di dalam Perjanjian Bersama.
- Sekiranya tidak berpuashati dengan tindakan pemberhentian yang dilakukan oleh majikan, pekerja bolehlah mendapatkan khidmat nasihat yang sewajarnya daripada Jabatan Perhubungan Perusahaan.



Enforcement Management System (EMS) Sebagai Mercu Tanda Kementerian Sumber Manusia

Projek EMS semakin menghampiri kemuncaknya. Hampir dua tahun proses pembangunan sistem berlalu begitu pantas. Pada awal tahun 2007, sistem ini dijangka akan dilancarkan penggunaannya secara meluas di peringkat Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan khususnya Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM). Secara tidak langsung, ianya akan mengangkat martabat KSM sebagai salah satu kementerian yang menyahut cabaran kerajaan untuk melaksanakan penyampaian secara elektronik.

Selama 16 bulan penyediaan untuk melengkapkan *User Requirement Study (URS)* dan *Business Process Reengineering (BPR)*, kini aktiviti seterusnya iaitu *documentation* dan *reporting* dijalankan. Bagi tujuan tersebut, sesi perbincangan serta pindaan (*review*) diadakan bagi menghasilkan output yang terbaik. Selain daripada itu, Mesyuarat Teknikal yang bersidang setiap dua minggu akan membincangkan status dokumen yang telah ditandatangani oleh Jabatan masing-masing.

Walau bagaimanapun, peranan yang sama pentingnya iaitu *Data Conversion & Migration* yang dimuatkan dalam *Feature Article* akan meleraikan sedikit persoalan mengenai proses ini. Diharapkan dengan lebih banyak kesedaran tentangnya, maka Pengguna (*User*) lebih arif tentang sumbangan dan komitmen yang boleh mereka berikan untuk memastikan kelancaran proses ini.

Kaji selidik Keperluan Pengguna sudah selesai dan seterusnya peringkat yang lebih sukar perlu dilepasi dan dikenali untuk memastikan setiap maklumat yang diterima dapat digunapakai dalam merangka satu program latihan yang komprehensif dan mencapai matlamat pentauliah latihan EMS kelak. Tugas ini sememangnya amat berat dan beban ini telah dipikul dengan jayanya dengan gandingan mantap semua *Change Agents*, pihak Bahagian Teknologi Maklumat dan kontraktor EMS.

EMS Mobile

Pengenalan

Enforcement Management System (EMS) MOBILE, dahulunya dikenali sebagai *Enforcement Productivity Tool (EPT)*. Dalam ruangan *EMS Mobile*, kita akan lebih mengetahui tentang peranan *EMS Mobile* sebagai salah satu mekanisme yang akan digunapakai oleh sebahagian agensi di bawah KSM untuk menjalankan tugas luar atau lawatan tapak.

Aktiviti utama

EMS Mobile menjurus kepada aktiviti pelaksanaan penguatkuasaan di mana aplikasi mesra pengguna (*user friendly*) dan mudah alih (*mobile*) ini akan membantu pegawai-pegawai bertugas memproses maklumat hasil dari lawatan tapak dengan pantas dan tepat.

Penggunaan *EMS Mobile* dapat mempertingkatkan kualiti kerja pegawai dalam memberikan perkhidmatan yang lebih efektif, produktif dan efisien kepada para



pelanggan Jabatan. Pelaksanaan aktiviti-aktiviti pemeriksaan, promosi, penyiasatan di premis majikan dan maklumat rujukan berkaitan setiap aktiviti boleh dicapai terus melalui aplikasi *EMS Mobile*.

Fungsi

EMS Mobile

- a) Muat Turun dan Muat Naik
 - Maklumat yang diperlukan semasa melakukan lawatan tapak di premis majikan dimuatturun ke dalam *EMS Mobile*
 - Merekod hasil lawatan tapak tersebut dan kemudiannya dimuatnaik ke dalam EMS.
- b) Pengurusan kerja
 - Memaparkan maklumat terperinci majikan yang telah dimuatturun oleh pegawai berkenaan.
 - Mengemaskini status kerja
 - Memaparkan maklumat rujukan yang berkaitan untuk aktiviti yang sedang dijalankan.
- c) Sekuriti / Keselamatan

Dilengkapi ciri-ciri keselamatan capaian pengguna.

Data Conversion And Migration

Pengenalan

Data Conversion and Migration (DCM) adalah satu proses yang sangat penting dalam penukaran dan pemindahan maklumat dari dokumen dan sistem sedia ada (*legacy system*) ke format baru untuk memenuhi keperluan sistem yang dibina iaitu sistem EMS. Proses ini perlu dilakukan kerana terdapatnya keperluan untuk mengekal dan menggunakan maklumat yang sedia ada.

Keberkesanan proses ini bergantung kepada berapa lengkap dan rumitnya maklumat yang sedia ada. Adakalanya, maklumat yang sedia ada tidak dapat memenuhi keperluan EMS. Di sini *Business Process Owner* akan terlibat untuk mendapatkan pendekatan dan penyelesaian untuk memastikan pengguna dapat terus menggunakan maklumat sedia ada di EMS.



Tujuan

Proses *Data Conversion* dan *Migration* dilakukan bertujuan:

1. Menyediakan maklumat asas (*principal data*) yang perlu ada bagi EMS apabila ia beroperasi.
2. Menyediakan *historical data* yang dapat membantu pengguna sebagai rujukan apabila menggunakan EMS.

Merujuk kepada tujuan di atas, aktiviti terlibat untuk *Data Conversion and Migration* adalah sama kecuali perlunya ada *Data collection/Entry* untuk menukar dokumen ke format digital.

Langkah-langkah yang terdapat dalam proses *Data Conversion and Migration* adalah seperti berikut;

- Langkah 1 : Kajian keperluan EMS
- Langkah 2 : *Data Collection/Entry*
- Langkah 3 : Pepadanan maklumat
- Langkah 4 : *Conversion and Migration*
- Langkah 5 : Pindah ke EMS



Kajian-Kajian Yang Dijalankan Oleh Bahagian Penyelidikan Dan Perancangan

Kajian Sikap Pencari-Pencari Kerja Terhadap Kerja Yang Mencabar, Kreatif dan Fleksibel Di Semenanjung Malaysia

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi sikap pencari-pencari kerja terhadap pekerjaan. Kajian ini dilaksanakan di seluruh Semenanjung Malaysia dengan kerjasama Universiti Utara Malaysia (UUM) dan ianya merupakan salah satu inisiatif penting yang diambil oleh JTKSM untuk membantu Kerajaan mencapai hasrat Wawasan 2020. Sehubungan itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi sikap pencari-pencari kerja terhadap pekerjaan yang melibatkan pencari-pencari kerja di Semenanjung Malaysia.

Objektif Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi sikap pencari-pencari kerja terhadap pekerjaan yang melibatkan pencari-pencari kerja di Semenanjung Malaysia.

Secara umumnya, objektif kajian ini adalah:

- i. Untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi sikap pencari-pencari kerja terhadap pekerjaan yang melibatkan pencari-pencari kerja di Semenanjung Malaysia.
- ii. Untuk mengukur sikap pencari-pencari kerja terhadap pekerjaan.
- iii. Untuk mengenalpasti hubungkait antara faktor-faktor yang mempengaruhi sikap pencari kerja dengan dimensi-dimensi sikap pencari-pencari kerja.

Populasi Dan Sampel Kajian

Populasi kajian melibatkan pencari-pencari kerja yang berdaftar dengan JTKSM dan menghadiri karnival-karnival pekerjaan anjuran JTKSM.

Bagi kumpulan pertama sampel kajian secara rawak dipilih dari Pangkalan Data *Job Clearing System (JCS)* yang disediakan oleh JTKSM. Sampel kumpulan ini dibahagikan kepada 2 kategori iaitu : graduan dan bukan graduan.

Berdasarkan jadual saiz sampel yang disarankan, untuk populasi kajian ini, sebanyak 380 sampel. Saiz ini adalah mencukupi untuk mewakili keseluruhan populasi kajian. Pemilihan sampel kajian ini dibuat secara rawak menggunakan pangkalan data JCS. Bagi mengatasi masalah kadar menjawab balik yang agak rendah bagi kajian lapangan yang menggunakan pos di Semenanjung Malaysia, pihak penyelidik telah memutuskan untuk menghantar soal selidik melalui pos kepada 700 orang pencari kerja.

Bagi kumpulan kedua, 450 soal selidik telah diedarkan secara rawak kepada pencari-pencari kerja yang mengunjungi Karnival Pekerjaan di dua lokasi di Semenanjung Malaysia.



Report on Labour Market Information Survey (Finding and Discoveries)

Labour Market Information (LMI) can be broadly defined as the information needed by individuals and organization to make informed decisions about the labour market. In other word, the information provided allows individual to respond to market signals as wage changes and job opportunities in a timely fashion.

The demand for labour comes from from employers and is derived from their need to employ workers to produce goods and services. Firms choose their staffing levels according to a number of factors, including : the cost of labour; the productivity of the workforce; the current and anticipated level of production; and the prices that the firm can command for its output. Job opportunities arise when firms expand their operations and when firms replace employees who are leaving their jobs, such as retirees.

Mean while, the supply of labour refers to the number of people currently working or actively seeking employment. The size of the labour supply is determined by the number of individuals of working age (16 years of age and older) as well as the proportion of the working age population that wishes to work. Other aspects of labour supply include the hours that staff work. The effort put forth by employees, and the skills possessed by the workforce. Thus, labour supply is determined by numerous factors including: the age distribution of the population; retirement behavior; migration patterns; education and training decisions; fertility rates; the state of the economy; and individuals decisions concerning the allocation of the time between work activities and leisure.

Contrary to the normal economic theory of demand and supply, in the labour market, however, excess supply does not typically result in price reduction (i.e., drop in the wage rate). Similarly, excess supply demand does not necessarily lead to a rise in price.

Some of the major reasons for these deviations from straightforward supply and demand economics are:

- Institutional Forces
- Long-term nature of the employment contract
- Unique workers and unique jobs
- Multiplicity of markets

Population of the Study

The population for the study comprised of all registered companies with more than 100 employees from all sectors of industries. This list of sampling frame of respondents was furnishes by Jabatan Tenaga Kerja (JTK). The reason for capturing the LMI data from only these companies was that companies with more 100 employees would have larger range of job titles as compared to smaller companies. There are 5800 companies registered with JTK fall under this category. This study was set out to be a census on these 5800 companies. However, within the data collection period allocated for the study, only 980 companies responded with completed questionnaires that were usable for the study. With the high volume of data received from these 980 companies, which comprise more than 12,600 job titles, it was deemed sufficient for fulfilling the purpose of this study.



Kajian Sikap Pencari-Pencari Kerja Di Semenanjung Malaysia

Kajian ini dibuat adalah bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi sikap pencari kerja terhadap pekerjaan. Kajian ini dilaksanakan di seluruh Semenanjung Malaysia dengan kerjasama JTKSM dan UUM.

Objektif Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji faktor yang mempengaruhi sikap pencari kerja terhadap pekerjaan yang melibatkan pencari-pencari kerja di Semenanjung Malaysia.

Secara umumnya, objektif kajian ini adalah :

- i. Untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi sikap pencari-pencari kerja terhadap pekerjaan yang melibatkan pencari-pencari kerja di Semenanjung Malaysia.
- ii. Untuk mengukur sikap pencari-pencari kerja terhadap pekerjaan.
- iii. Untuk mengenalpasti hubungkait antara faktor-faktor yang mempengaruhi sikap pencari-pencari kerja dengan dimensi-dimensi sikap pencari kerja.

Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah penting kerana pengambilan tenaga kerja di kalangan pekerja tempatan mempunyai kesan yang sangat besar terhadap ekonomi Malaysia. Pada masa yang sama, isu penempatan tenaga kerja tempatan merupakan agenda utama negara dalam mencapai negara maju. Kerajaan Malaysia melalui pembentangan Rancangan Malaysia yang ke - 9 telah memberikan penekanan khusus dalam memajukan modal insan.

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian melibatkan pencari-pencari kerja yang berdaftar dengan JTKSM dan menghadiri Karnival-karnival Pekerjaan anjuran JTKSM. Selain daripada itu, bagi pencari kerja yang berdaftar dengan JTKSM melalui Sistem Penjodohan Kerja (JCS) turut dijadikan sampel kajian tersebut.

Kajian Sikap Majikan Terhadap Pencari Kerja Di Semenanjung Malaysia

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi sikap majikan terhadap pencari kerja dalam proses pengambilan pekerja. Kajian ini dijalankan di seluruh Semenanjung Malaysia dengan kerjasama JTKSM dan UUM. Memandangkan terdapat kepelbagaian yang tinggi di dalam citarasa majikan-majikan di dalam proses pemilihan dan pengambilan pekerja, adalah wajar bagi JTKSM untuk mengenalpasti secara dekat hubungan yang wujud antara faktor-faktor yang perlu disiapkan oleh pencari-pencari kerja bagi menyelaraskan dengan kehendak-kehendak majikan. Oleh itu, kehendak-kehendak majikan adalah penting untuk diselidiki bagi menyediakan keperluan tenaga kerja yang selaras dengan keperluan semasa.



Objektif Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi sikap majikan terhadap pencari-pencari kerja di Semenanjung Malaysia.

Secara umumnya, objektif kajian ini adalah :

- i. Untuk mengenalpasti faktor-faktor demografi organisasi yang mempengaruhi sikap majikan.
- ii. Untuk mendapatkan maklumat berhubung sikap majikan dalam pengambilan pekerja.
- iii. Untuk mengkaji hubungkait antara faktor demografi organisasi dan sikap majikan terhadap pencari-pencari kerja di Semenanjung Malaysia.

Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah penting dengan mengetahui sikap majikan terhadap pencari kerja, terutama di kalangan pekerja tempatan, pihak penggubal dasar negara (terutamanya berhubung tenaga kerja) dapat merumuskan satu penyelesaian dalam penyediaan tenaga kerja yang sesuai dengan keperluan semasa. Justeru itu, ianya akan memberikan kesan yang sangat besar terhadap ekonomi negara.




JADUAL 3
STATISTIK PEKERJA ASING MENGIKUT WARGANEGARA DAN SEKTOR
PADA TAHUN 2006 SELURUH MALAYSIA

Warganegara	Pembantu Rumah	Pembinaan	Pembuatan	Perkhidmatan	Perladangan	Pertanian	Jumlah besar
Austria	1	-	-	-	-	-	1
Bangladesh	12	10,855	42,136	4,581	1,195	3,890	62,669
Kemboja	4,968	233	2,666	167	123	65	8,222
China	13	1,648	249	564	-	8	2,482
Mesir	-	-	-	2	-	-	2
Ethiopia	2	-	-	-	-	-	2
Fiji	1	-	-	-	-	-	1
India	72	6,891	32,108	60,453	25,504	13,285	138,313
Indonesia	294,115	216,898	213,173	40,993	316,832	92,003	1,174,014
Laos	-	26	29	3	-	-	58
Morocco	1	-	-	-	-	-	1
Myanmar	23	14,341	72,832	17,736	1,290	2,997	109,219
Nepal	22	4,409	175,339	24,849	2,913	6,019	213,551
Pakistan	1	3,558	3,795	1,742	451	2,004	11,551
Filipina	10,184	1,639	2,571	1,878	5,590	2,226	24,088
Korea	-	36	-	-	-	-	36
Russia	1	-	-	-	-	-	1
Singapura	-	-	-	1	-	-	1
Sri Lanka	810	167	2,744	596	44	60	4,421
Syria	-	-	-	2	-	-	2
Thailand	432	1,122	824	10,947	62	424	13,811
Uzbekistan	-	6	-	6	-	-	12
Vietnam	4	5,980	97,946	2,309	120	392	106,751
Jumlah Besar	310,662	267,809	646,412	166,829	354,124	123,373	1,869,209


Sumber : Jabatan Imigresen



CARTA 2
CARTA MENUNJUKKAN STATISTIK PEKERJA ASING DI MALAYSIA
MENGIKUT SEKTOR PEKERJAAN TAHUN 2005 DAN 2006



CARTA 3
CARTA PAI MENUNJUKKAN PERATURAN PEKERJA ASING MENGIKUT
SEKTOR PEKERJAAN DI MALAYSIA TAHUN 2006





JADUAL 4
BILANGAN PENDUDUK YANG BEKERJA MENGIKUT NEGERI DAN PEKERJAAN DI MALAYSIA TAHUN 2005 DAN 2006

TAHUN	JUMLAH	PENGGUBAL UNDANG- UNDANG, PEGAWAI KANAN DAN PENGURUS	PROFESIONAL	JURUTEKNIK DAN PROFESIONAL BERSEKUTU	PEKERJA PERKERANIAN	PEKERJA PERKHIDMATAN, PEKERJA KEDAI DAN JURUJUAL	PEKERJA MAHIR PERTANIAN DAN PERIKAMAN	PEKERJA PERTUKANGAN DAN YANG BERKAITAN	OPERATOR LOJI DAN MESIN SERTA PEMASANG	PEKERJAAN ASAS
2005	10,045.4	777.4	555.1	1,266.8	992.3	1,483.7	1,268.6	1,145.5	1,427.5	1,128.3
2006	10,275.4	829.6	565.9	1,307.5	968.3	1,597.1	1,335.9	1,154.8	1,408.0	1,108.4
BIL PERTAMBAHAN TENAGA KERJA	230.0	53.0	11.0	41.0	- 24.0	114.0	68.0	10.0	- 20.0	- 20.0
PERATUS (%)	3.0	7.0	2.0	4.0	- 3.0	8.0	6.0	1.0	- 2.0	- 2.0

Sumber : Penyasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia.
 Source: Labour Force Survey, Department of Statistics

('000 orang)



Perancangan Tahun 2007

Penyata Guna Tenaga Kebangsaan *National Employment Return (NER) 2007*

Ia bertujuan bagi pengumpulan maklumat gunatenaga negara bagi mengemaskini *database* majikan dan mendapatkan maklumat mengenai penggajian pekerja dari aspek bilangan dan kadar upah mengikut kategori pekerjaan. Selain daripada itu, ia akan membangunkan satu pangkalan data lengkap dan terkini yang diperlukan dan boleh digunapakai oleh pihak Kerajaan, industri, swasta serta NGO mengenai komponen maklumat pasaran buruh, kedudukan guna tenaga semasa iaitu tempatan, asing dan pegawai dagang.

NER 2007 akan dijalankan secara bancian (*census*) terhadap 500,000 majikan dari semua sektor berdasarkan senarai majikan yang berdaftar dengan JTKSM di dalam *Labour Market Database* (LMD). Tempoh pelaksanaan yang dirancang adalah selama 4 bulan mulai minggu ketiga Mei 2007.

Antara lain output/laporan statistik NER akan menghasilkan profil majikan mengikut sektor, ekuiti, jenis pemilikan dan aktiviti. Profil gunatenaga tempatan dan asing berdasarkan sektor, jantina, umur, gaji, kumpulan pekerjaan, kawasan geografi dan kategori pekerjaan.



LAPORAN TAHUNAN **2006**

JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA | KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA



Bahagian
**STANDARD
PERBURUHAN**





<http://jtksm.mohr.gov.my>





BAHAGIAN STANDARD PERBURUHAN

Pendahuluan

Bahagian Standard Perburuhan terdiri daripada empat unit utama iaitu Unit Aduan, Unit Pekerja Asing, Unit Hal Ehwal Wanita, Kanak-kanak, Orang Kurang Upaya dan *Special Groups* serta Unit Pemeriksaan dan Pendidikan Perburuhan. Ia diketuai oleh seorang Pengarah dan dibantu oleh 10 orang pegawai dan kakitangan sokongan.

Bahagian ini bertanggungjawab untuk menjaga dan melindungi kepentingan dan kebajikan pekerja tempatan dan asing di samping membantu menyelesaikan masalah dan aduan berhubung dengan penggajian mereka. Adalah menjadi matlamat utama bagi Bahagian ini untuk mewujudkan suasana perburuhan yang adil dan harmoni. Pemantauan terhadap penggajian pekerja tempatan dan asing dijalankan dengan teliti bagi memastikan tiada diskriminasi berlaku terhadap pekerja sama ada tempatan ataupun asing serta tidak menjejaskan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Selain daripada itu, Bahagian ini juga berfungsi menjalankan aktiviti-aktiviti promosi bagi memantau penggajian di sektor perladangan bagi mematuhi standard perburuhan yang ditetapkan.

Fungsi Bahagian Standard Perburuhan

- Menyediakan kertas-kertas cadangan, kertas kerja, kertas kabinet kertas jemaah menteri dan surat-surat pekeliling berkaitan dasar-dasar perburuhan bagi kegunaan Jabatan, Kementerian Sumber Manusia dan agensi-agensi lain.
- Menyediakan maklumat terkini kepada ILO berkaitan hal-hal perburuhan dan Konvensyen yang diratifikasikan oleh negara dan menjawab segala isu yang dibangkitkan ILO.
- Menyediakan maklumat yang diperlukan bagi isu-isu yang melibatkan hal-hal perburuhan negara yang dibahaskan di Dewan Negara dan Dewan Rakyat.
- Memastikan kebajikan pekerja-pekerja di sektor swasta dilindungi selaras dengan standard minimum yang ditetapkan di bawah undang-undang perburuhan.
- Merancang dan menggubal program-program untuk meningkatkan kualiti kehidupan pekerja-pekerja sektor perladangan dari segi perumahan dan kemudahan-kemudahan asas.
- Merancang dan menyelaras aktiviti pembasmian dan menangani gangguan seksual di tempat kerja.



- ❑ Membantu menangani isu yang dibangkitkan pelanggan melalui aduan berkaitan haknya di bawah undang-undang perburuhan.
- ❑ Menangani semua isu berkaitan penggajian pekerja asing dan pekerja tempatan.
- ❑ Menyelaraskan pelaksanaan aktiviti-aktiviti pendidikan perburuhan.
- ❑ Merancang dan memperkenalkan konsep cara bekerja baru seperti *homeworking*, *teleworking* dan *out sourcing* untuk menggalakkan penyertaan Orang Kurang Upaya, wanita, bekas penagih dadah, bekas banduan dan warga emas dalam pekerjaan.
- ❑ Merancang dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti mempromosi dan meningkatkan penyertaan Orang Kurang Upaya, wanita, bekas penagih dadah, bekas banduan dan warga emas dalam pekerjaan.
- ❑ Menyelaraskan pelaksanaan semua dasar, arahan kerja dan surat pekeliling Bahagian Standard Perburuhan.

Unit Aduan

Pengendalian Aduan

Sepanjang tahun 2006, sebanyak 5,237 kes telah dikendalikan berbanding kes yang dikendalikan pada tahun 2005 berjumlah 5,216. Pertambahan kes aduan yang direkodkan adalah pada kadar yang amat sedikit iaitu hanya meningkat sebanyak 0.4% sahaja ataupun sebanyak 21 kes (**Carta 1**).

YB Menteri Sumber Manusia melawat tempat kejadian banjir di daerah Kota Tinggi, diiringi oleh Pegawai Tenaga Kerja.






Secara keseluruhannya bagi tahun 2005 dan 2006 kadar penyelesaian kes bagi kedua-dua tahun tersebut adalah pada kadar 96%. Daripada jumlah keseluruhan kes yang diselesaikan pada tahun 2006, 4,378 kes atau 87% telah berjaya diselesaikan dalam tempoh satu bulan manakala 633 kes atau 13% dalam tempoh 2 bulan.



YB Menteri Sumber Manusia mengadakan lawatan dan mengagihkan bantuan kepada mangsa banjir.

CARTA 1
PERBANDINGAN KES ADUAN YANG DIKENDALI DAN DISELESAIKAN
TAHUN 2005 DAN 2006



Berdasarkan perbandingan kes aduan yang diterima bagi tahun 2005 dan 2006 terdapat peningkatan dalam kes yang diterima oleh negeri-negeri seperti Pulau Pinang, Perak, Selangor dan Negeri Sembilan manakala negeri-negeri lain telah mengalami penurunan dalam penerimaan kes-kes aduan (**Jadual 1**).



JADUAL 1
PECAHAN BILANGAN ADUAN DIKENDALI DAN DISELESAIKAN
BAGI SETIAP NEGERI TAHUN 2005 DAN 2006

NEGERI	2005		2006	
	KENDALI	SELESAI	KENDALI	SELESAI
KEDAH/PERLIS	372	367(99%)	312	303(97%)
P.PINANG	368	364(99%)	388	388(100%)
PERAK	1,022	1,009(99%)	1,048	1,015(97%)
K.LUMPUR	443	331(75%)	423	421(99%)
SELANGOR	883	858(97%)	996	874(88%)
PAHANG	299	298(100%)	276	270(98%)
TERENGGANU	205	201(98%)	174	170(98%)
KELANTAN	169	169(100%)	107	107(100%)
N.SEMBILAN	340	339(100%)	397	393(99%)
MELAKA	302	292(97%)	304	297(98%)
JOHOR	766	720(94%)	760	721(95%)
LABUAN	47	47(100%)	55	52(95%)
JUMLAH	5,216	4,995(96%)	5,237	5,011(96%)



Pegawai Tenaga Kerja sedang mengendalikan sesi aduan dan perbincangan bersama pihak pekerja.

Penganugerahan Sijil MS ISO 9001 : 2000

JTKSM telah dianugerahkan dengan Sijil MS ISO 9001: 2000 bagi aktiviti Pengendalian Aduan Mengenai Pelanggaran Akta Kerja 1955 pada Februari 2005 yang melibatkan negeri Kedah/Perlis dan juga Ibu Pejabat JTKSM. Penganugerahan Sijil MS ISO 9001:2000 ini adalah selaras dengan Mesyuarat Panel Memajukan Pentadbiran Awam (MAMPU) yang memerlukan semua agensi Kerajaan beralih dari standard sebelum ini iaitu MS ISO 9000:1994 kepada versi 2000. Dalam tempoh pensijilan ini Jabatan Tenaga Kerja Kedah/Perlis dan cawangannya serta Ibu pejabat JTKSM telah melalui *audit surveillance* yang dijalankan oleh pihak Institut Kajian Industri dan Piawaian Malaysia (SIRIM).



Perancangan Tahun 2007

Dalam memperkukuhkan proses pengendalian aduan yang juga merupakan aktiviti teras JTKSM, perancangan telah dibuat untuk memperluaskan pemakaian MS ISO 9001: 2000 berkaitan pengendalian aduan ini ke negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Negeri Sembilan. Negeri-negeri ini akan melaksanakan proses pengendalian aduan sepertimana MS ISO 9001:2000 secara percubaan sebelum ia dilaksanakan sepenuhnya. Pegawai dan kakitangan di pejabat negeri dan cawangan berkenaan juga akan diberi pendedahan dan latihan bagi tujuan pelaksanaan tersebut.

Unit Hal Ehwal Wanita, Kanak-Kanak, OKU dan *Special Groups*

Pendaftaran dan Penempatan Orang Kurang Upaya (OKU)

Pada tahun 2006, seramai 1,026 OKU telah berjaya didaftarkan untuk mendapat pekerjaan berbanding seramai 1,666 OKU pada tahun 2005. Penurunan sebanyak 38% ini adalah disebabkan kurangnya pendedahan tentang adanya Sistem Pendaftaran dan Penempatan OKU (SPOku) dan masih ramai OKU yang masih kurang mahir dari segi penggunaan SPOku.

Bagaimanapun, bilangan OKU yang telah berjaya ditempatkan telah meningkat sebanyak 19% di mana seramai 574 OKU telah berjaya menyertai pasaran buruh


Kebajikan Orang Kurang Upaya (OKU) sentiasa akan diberi perhatian oleh Jabatan Tenaga Kerja. Golongan OKU bergambar bersama selepas penerimaan geran bantuan.





pada tahun 2006 berbanding 482 OKU pada tahun 2005. Namun demikian usaha yang lebih giat perlu dijalankan bagi meningkatkan lagi pendaftaran dan penempatan OKU yang dianggarkan 1% daripada jumlah penduduk Malaysia (**Carta 2**).

CARTA 2
PERBANDINGAN PENDAFTARAN DAN PENEMPATAN OKU
TAHUN 2005 DAN 2006



Gangguan Seksual Di Tempat Kerja

Pada tahun 2006, pertambahan aduan adalah tinggi di mana sebanyak 23 aduan telah diterima berbanding hanya 9 aduan pada tahun 2005. Ini menunjukkan kesedaran para pekerja wanita mahupun lelaki tentang hak-hak mereka di bawah dasar perburuhan berkaitan gangguan seksual di tempat kerja telah meningkat dan mereka telah mula berani tampil untuk membuat aduan dan memperjuangkan hak mereka.


Manakala bagi pihak majikan pula, mereka mula sedar akan kepentingan mewujudkan Mekanisme Dalaman bagi Menangani Gangguan Seksual di Tempat Kerja dengan menggariskan polisi berkaitan gangguan seksual di tempat kerja masing-masing. Pertambahan mekanisme dalaman yang telah ditubuhkan pada tahun 2006 oleh 490 syarikat berbanding 110 syarikat pada tahun 2005 adalah merupakan hasil dari pelbagai program seminar dan bengkel yang telah dijalankan pada tahun-tahun sebelumnya (**Carta 3**).



Para petugas bergambar selepas majlis pelancaran Minggu Kesedaran Untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja.



CARTA 3
PERBANDINGAN PENERIMAAN ADUAN DAN PENUBUHAN MEKANISME
DALAMAN GANGGUAN SEKSUAL DI TEMPAT KERJA TAHUN 2005 DAN 2006



Aktiviti-Aktiviti yang Dijalankan Sepanjang Tahun 2006

1. Projek Kilang Jahitan OKU Samsung/ Bengkel Seri Sembilan, Negeri Sembilan

Majlis Perasmian penubuhan bengkel ini telah diadakan pada 3 Februari 2006 dan disempurnakan oleh Y.B. Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Mohammad bin Hassan. Sehingga kini, seramai 23 orang OKU yang kebanyakannya pelajar lulusan Pusat Latihan Pemulihan dan Perindustrian Bangi telah digajikan dan diberi tender tempahan baju seragam daripada syarikat-syarikat selain Samsung Corporation. Melalui bengkel terlindung ini, OKU dapat didedahkan kepada persekitaran kerja serta memberi peluang kepada mereka untuk berdikari.

2. Bengkel Penyediaan Pelan Tindakan Ke Arah Memperkasakan Unit hal Ehwal Wanita, kanak-kanak, OKU dan *Special Groups*

Bengkel ini telah diadakan pada 26-29 Mac 2006 di Hotel Grand Continental, Langkawi dengan matlamat untuk meningkatkan kefahaman pegawai-pegawai yang diamanahkan dengan tanggungjawab di bawah unit ini tentang tugas dan peranan masing-masing serta berkongsi pengalaman tentang isu berkaitan dan seterusnya menyediakan pelan dan tindakan bagi memastikan pelaksanaan aktiviti-aktiviti berjalan dengan lancar.



Golongan OKU menunjukkan kemahiran membuat bakul dan kraftangan semasa karnival pekerjaan berlangsung.



Sepanjang bengkel ini diadakan, para peserta didedahkan dengan isu-isu berkaitan melalui sesi ceramah serta aktiviti simulasi. Para peserta juga turut serta dalam menyediakan pelan tindakan yang perlu diambil untuk jangka masa pendek dan jangka masa panjang bagi memperkasakan unit ini.

3. Program Penjodohan dan Penempatan Pekerja OKU

Jom Kerja : OKU Boleh

Satu Karnival Pekerjaan khas untuk OKU telah diadakan pada 29-30 Jun 2006 di Hotel The Legend, Kuala Lumpur. Majlis pelancaran telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia, Y.B. Datuk Abdul Rahman bin Bakar.

Program ini merupakan satu kempen untuk menggalakkan OKU mendaftar dengan jabatan disamping memberi peluang pekerjaan kepada mereka. Sebanyak 12 syarikat dari pelbagai sektor seperti perkilangan, perkhidmatan, pembuatan, keusahawanan, percetakan dan lain-lain turut serta dalam program ini.

Sepanjang program tersebut, seramai 31 OKU telah berjaya ditempatkan dalam pasaran pekerjaan.

4. Minggu Kesedaran Untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja

Minggu Kesedaran Untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja telah diadakan pada 21 hingga 25 Ogos 2006 sebagai satu kempen dalam menangani isu gangguan seksual di tempat kerja. Program ini telah berlangsung selama 5 hari di 38 buah pejabat cawangan JTK Negeri dan Daerah seluruh Semenanjung Malaysia. Majlis Pelancaran Minggu Kesedaran Untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja telah disempurnakan oleh YB Menteri Sumber Manusia, Y.B. Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn di Hotel Holiday Villa, Subang Selangor.

YB Menteri Sumber Manusia sedang ditemuramah oleh pihak media selepas merasmikan pelancaran Minggu Kesedaran Untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja.





Program ini merupakan satu pendekatan baru bagi mewujudkan kesedaran di kalangan majikan berhubung isu gangguan seksual di tempat kerja serta meningkatkan bilangan majikan yang melaksanakan Mekanisme Dalaman Bagi Menangani Gangguan Seksual di Tempat Kerja. Objektif utama program ini adalah untuk meningkatkan tahap kesedaran di kalangan majikan mengenai pentingnya penubuhan mekanisme dalaman bagi menangani isu gangguan seksual di tempat kerja serta menyediakan persekitaran kerja yang kondusif dan bebas dari gangguan seksual.

Pelbagai aktiviti diadakan bagi kempen ini seperti pameran, tayangan VCD berkisar isu gangguan seksual di tempat kerja, ceramah dan bengkel. Sesi dialog juga diadakan bagi membolehkan para peserta berbincang dan berkongsi pengalaman mengenai isu gangguan seksual di tempat kerja serta penyediaan deraf mekanisme dalaman untuk dijadikan asas kepada penubuhan mekanisme dalaman yang lebih mantap dan bersesuaian di tempat kerja masing-masing.

Perancangan Tahun 2007

1. Skim Bantuan Galakan Perniagaan Orang Kurang Upaya (SBGP-OKU)

Sebagai satu inisiatif bagi menggalakkan penyertaan OKU dalam pasaran pekerjaan, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM22 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMK-9). Skim Bantuan Galakan Perniagaan Orang Kurang Upaya (SBGP-OKU) diwujudkan sebagai satu strategi Kerajaan untuk **'Bantu usahawan OKU membantu OKU lain mendapatkan pekerjaan'** di mana melalui program ini usahawan OKU membangunkan perniagaan mereka melalui bantuan dan seterusnya membuka peluang-peluang pekerjaan kepada OKU yang lain.

Unit Pekerja Asing

Skim Pampasan Pekerja Asing


Secara keseluruhannya, bilangan pekerja asing yang telah didaftarkan di bawah Skim Pampasan Pekerja Asing (SPPA) bagi mendapat perlindungan insurans dengan 24 panel penanggung insurans yang dilantik pada tahun 2006 meningkat sebanyak 8% di mana seramai 1,140,376 pekerja asing didaftarkan berbanding tahun 2005 seramai 1,056,936. Dari segi sektor pekerjaan, sektor perindustrian masih merupakan sektor yang paling banyak menggaji pekerja asing diikuti dengan sektor perladangan, pembinaan dan perkhidmatan (Carta 4).



Antara kes-kes pampasan yang diterima oleh Jabatan Tenaga Kerja melibatkan kes hilang upaya kekal (HUK).




CARTA 4
PERBANDINGAN BILANGAN PEKERJA ASING MENGIKUT SEKTOR
TAHUN 2005 DAN 2006



Manakala dari segi warganegara, pekerja asing daripada Negara Indonesia merupakan yang paling ramai iaitu dengan bilangan 638,087 orang diikuti dengan Nepal, Vietnam, Myanmar, India dan Bangladesh (Carta 5).

CARTA 5
PERBANDINGAN BILANGAN PEKERJA ASING MENGIKUT WARGANEGARA
TAHUN 2005 DAN 2006



2006





Unit Pemeriksaan dan Pendidikan Perburuhan

Pemeriksaan Audit, Pembangunan dan Ladang

Bagi tahun 2006, jumlah pemeriksaan telah dikurangkan sasarannya agar pemeriksaan yang lebih berkualiti dan berkesan dapat dilaksanakan dengan memastikan pemeriksaan meliputi segala aspek dan dijalankan secara menyeluruh. Pemeriksaan telah dibahagikan kepada tiga jenis pemeriksaan iaitu pemeriksaan audit, pemeriksaan pembangunan dan pemeriksaan ladang. Manakala pada tahun 2005, pemeriksaan hanya dipecahkan kepada pemeriksaan berkanun dan pemeriksaan ladang (**Carta 6**).

Antara kemudahan pendidikan yang disediakan terdapat di kawasan perumahan ladang.






CARTA 6
PERBANDINGAN JUMLAH PEMERIKSAAN YANG DIJALANKAN
TAHUN 2005 DAN 2006



Pendidikan Perburuhan

Secara keseluruhannya, aktiviti-aktiviti pendidikan perburuhan terus dijalankan dari masa ke masa melalui program khidmat nasihat, perjumpaan tripartite, dialog industri, dialog bersama pelanggan dan penerangan melalui radio. Sebanyak 2030 aktiviti telah dijalankan melibatkan 6,311 majikan dan 94,976 pelanggan yang terdiri daripada pekerja, OKU, bekas penagih dadah, pesara dan orang awam (**Carta 7**).

CARTA 7
PERBANDINGAN AKTIVITI PENDIDIKAN PERBURUHAN
YANG DIJALANKAN TAHUN 2005 DAN 2006





Perancangan Tahun 2007

Pengagihan Alat Bantuan Pembelajaran Kepada PAKK Ladang

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sembilan, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM4.5 juta sebagai bantuan peralatan kepada PAKK ladang bagi meningkatkan tahap pembelajaran dan kualiti pendidikan di sektor perladangan. Melalui bantuan ini, PAKK ladang akan disediakan dengan suasana pembelajaran yang lebih kondusif berbentuk alat permainan, bantuan alat mengajar, peralatan latihan, bahan bacaan, alat tulis dan perabot. Pengagihan sesi pertama bagi tahun 2007 akan dijalankan kepada 70 buah PAKK ladang di seluruh Semenanjung Malaysia.



Senario yang biasa kelihatan di Pusat Asuhan Kanak-Kanak (PAKK) yang disediakan oleh majikan di perumahan sektor ladang.

Penggajian Pekerja Asing

Pengenalan

Penggajian Pekerja Asing (PA) secara umumnya membawa manfaat kepada semua pihak yang berkaitan iaitu Kerajaan, majikan, pekerja dan *stakeholders*. Kemasukan mereka ke Malaysia adalah bertujuan untuk mencari pendapatan hasil daripada pekerjaan yang dilakukan di mana peluang-peluang ini sukar diperolehi di negara asal mereka.

Bagi negara sumber, ia menawarkan peluang bagi mereka yang menganggur, serta punca pendapatan asing. Walau bagaimanapun senario yang berbeza berlaku kepada Negara Penerima di mana penggajian PA menawarkan tenaga pekerja yang murah dan ini mendorong majikan untuk mengekalkan tahap gaji yang rendah.

Secara umumnya semua pekerja di Malaysia, tidak kira sama ada pekerja tempatan atau PA mendapat perlindungan undang-undang perburuhan yang sama. Namun segelintir kumpulan pekerja yang dikenali sebagai Pendatang Tanpa Izin (PATI) seringkali menimbulkan masalah di mana kemasukan mereka jelas melanggar undang-undang Imigresen dan tidak dapat dilindungi oleh undang-undang perburuhan negara.

Majikan lebih cenderung untuk menggaji PA kerana mudah untuk menguruskan mereka dari segi kerja lebih masa, kurang kerehuan dalam menjalankan tugas, lebih mudah untuk ditamatkan perkhidmatan, senang untuk diberi arahan dan kos pembiayaan yang rendah dalam jangka masa panjang.



Seterusnya pihak majikan tidak perlu lagi memikirkan tentang jaminan pekerjaan dan peningkatan kos upah yang menjadi tuntutan pekerja tempatan. Sesetengah majikan ada yang mengamalkan tindakan dengan menamatkan perkhidmatan pekerja tempatan dan digantikan dengan pekerja asing. Walaupun bilangannya agak kecil, penerapan amalan tersebut akan mendatangkan kesan kepada penggajian pekerja tempatan pada masa akan datang.

Trend Penggajian Pekerja Asing Di Malaysia

Penggajian pekerja asing (PA) di negara ini secara tidak langsung telah mengangkat peranan sedia ada JTKSM di dalam kawalan penggajian pekerja di dalam kumpulan ini. Penambahan penggajian PA yang meningkat pada kadar 10,000 hingga ke 20,000 setahun telah menjadikan angka keseluruhan kemasukan mereka sehingga Mac 2007 adalah 1,900,756 orang.

Umum mengetahui bahawa kemasukan secara besar-besaran ini akan secara langsung membawa impak kepada iklim perburuhan semasa negara terutama di dalam aspek penawaran pekerjaan kepada pencari kerja tempatan. Penggajian PA juga memberikan kesan kepada ekonomi, kesihatan, pelajaran dan keselamatan negara.

Dewasa ini pelbagai polisi telah dibentuk untuk mengawalselia penggajian PA di negara ini. Namun seringkali berlaku polisi dan dasar hanya tinggal sebagai pra syarat dan amalan pematuhan adalah amat minima. JTKSM sentiasa memantau penggajian PA dengan harapan untuk meminimalkan ketidakperhatian majikan dan PA itu sendiri didalam aspek pematuhan terhadap undang-undang perburuhan negara.

Fungsi-Fungsi

Bahagian Pekerja Asing

JTKSM telah diberi mandat oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM) untuk memperkukuhkan kawalan penggajian PA di negara ini. Langkah pertama ke arah kawalan menyeluruh penggajian PA telah direalisasikan oleh JPA dengan kelulusan penubuhan bahagian khusus penggajian PA yang akan dikenali sebagai Bahagian Pekerja Asing (BPA). Bahagian yang akan ditubuhkan pada penghujung tahun 2007 akan mempunyai kekuatan empat orang pegawai, tiga orang kakitangan sokongan dan diketuai oleh seorang pengarah.

BPA akan mengambil alih kesemua peranan semasa yang sedang dilakukan oleh Bahagian Standard Perburuhan melalui unit kecil yang dikenali Unit Penggajian PA.

Berikut adalah senarai fungsi terkini yang diamalkan bersesuaian dengan halatuju penubuhan BPA :

- ❑ Pakar di dalam penggajian PA
 - i. Sumber rujukan penggajian PA di Malaysia
 - Oleh Pegawai dan Kakitangan JTKSM
 - Oleh agensi-agensi kerajaan yang terlibat dengan penggajian PA
 - Oleh agensi-agensi lain bukan kerajaan seperti Persatuan Pengilang-Pengilang Melayu, FMM dan Persekutuan Majikan Malaysia (MEF).



- ii. Sumber rujukan penggajian PA oleh Negara Sumber
 - Oleh pihak Kedutaan Negara Sumber yang berada Malaysia
 - Oleh pihak Kedutaan Negara Sumber yang berada Negara Sumber
 - Oleh badan-badan bukan kerajaan dari Negara Sumber
- iii. Sumber rujukan penggajian PA oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO)
- Menguatkuasakan undang-undang perburuhan terutama yang berkaitan dengan penggajian PA
 - i. Akta Kerja 1955
 - ii. Akta Pampasan Pekerja 1952
 - iii. Akta Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990
- Wakil KSM ke Pusat Setempat Permohonan Pengambilan Pekerja Asing di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN)
 - i. Sumber rujukan permohonan majikan untuk menggajikan PA
 - Keterlibatan majikan di dalam kes-kes buruh, pampasan dan sebagainya
 - Ketertiban majikan di dalam pematuhan terhadap seksyen 63A dan 60K Akta Kerja 1995 dan pematuhan terhadap sistem *Job Clearing System* (JCS)
 - ii. Sumber rujukan permohonan majikan penempatan semula PA
- Mengemaskini data penggajian PA
 - i. Memperkasakan data-data di dalam *Labour Market Database* (LMD)
 - ii. Memantapkan data-data di dalam sistem e-pampasan
- Memantau kes-kes aduan penggajian PA
 - i. Melalui rujukan terus PA ke JTKSM
 - ii. Melalui rujukan terus pihak Kedutaan ke Pejabat Tenaga Kerja (PTK) Negeri/Ibu Pejabat
 - iii. Melalui laporan oleh agensi-agensi kerajaan
 - iv. Melalui laporan/aduan agensi-agensi bukan kerajaan atau *Non Government Organization* (NGO)
- Memantau kes-kes pampasan PA
 - i. Melalui perkembangan kes-kes yang dirujuk



- ii. Kaedah dan nilai pampasan yang berkaitan
- iii. Mediator kepada penyediaan dan penyerahan deraf bank kepada pihak Kedutaan/PA
 - Mengadakan sesi dialog dengan *stakeholders* untuk memperincikan perkembangan semasa trend penggajian PA
 - Membuat deraf dasar-dasar penggajian PA
 - Menerbitkan buletin/artikel mengenai trend penggajian PA di Malaysia
 - Wakil JTKSM di dalam mesyuarat berkaitan dengan penggajian PA
 - i. Peringkat penggajian PA – Buruh Am
 - ii. Peringkat penggajian PA – Pegawai Dagang
 - Menyediakan input maklumbalas/laporan mengenai perihal penggajian PA
 - i. Kepada Parlimen
 - Dewan Negara
 - Dewan Rakyat
 - ii. Kepada *stakeholders*
 - Memantau perkembangan kursus orientasi/induksi PA
 - i. Pengeluaran surat pengesahan pelaksanaan kursus orientasi
 - Koordinator/Penyelaras kepada perihal penggajian PA
 - Penyelenggara kepada sistem PEMUDAH Jabatan Perdana Menteri terutama dalam aspek aduan PA
 - Mengenalpasti ruang-ruang dan idea-idea baru untuk penambahbaikan berterusan Bahagian

Penerimaan Kes Aduan PA Tahun 2006

Kes aduan PA yang diterima oleh JTKSM pada tahun 2006 adalah berjumlah 503 kes. Jumlah 503 kes adalah mewakili 8% daripada jumlah keseluruhan 6,579 penerimaan kes aduan yang diterima melibatkan pekerja tempatan dan asing untuk tahun yang sama.

Jika dibuat perbandingan dengan jumlah keseluruhan PA Indonesia yang mewakili 70% daripada jumlah keseluruhan 1.9 juta PA berdaftar, PA warganegara yang sama telah mencatatkan bilangan aduan tertinggi iaitu dengan 216 kes. Jumlah ini dijangka bertambah menjelang tahun 2010 apabila JTKSM menasaskan kemasukan PA ke negara ini akan meningkat sebanyak 20% atau penambahan 380,000 PA.



Dari segi isu atau jenis-jenis aduan pula, isu majikan tidak membayar gaji atau masalah berkaitan gaji telah dikenalpasti sebagai antara isu utama yang telah dilaporkan dengan melibatkan 142 aduan atau 28% daripada jumlah keseluruhan kes yang telah dilaporkan.

Kesan penggajian PA turut melibatkan penggajian pekerja tempatan dimana, pada tahun 2006 terdapat aduan yang dibuat oleh pekerja tempatan berkaitan PA. Analisa yang dibuat mendapati sejumlah 10 aduan berkaitan majikan memberhentikan pekerja tempatan dan mengekalkan PA. Perbuatan ini jelas menunjukkan ketidakperhatian majikan terhadap peruntukan Seksyen 60N Akta Kerja 1955 yang memastikan keutamaan pemberhentian perlu diberikan kepada PA.

Terdapat juga 12 aduan pekerja tempatan yang mengadu bahawa majikan telah menggantikan pekerja tempatan dengan PA yang merupakan kesalahan di bawah Seksyen 60M Akta Kerja 1955.

JTKSM juga telah menerima sejumlah 78 kes aduan berkaitan pelbagai hal berhubung PA di mana 32 daripadanya datang daripada sumber-sumber pekerja-pekerja tempatan.

Penyelesaian Kes Aduan Tahun 2006

Secara keseluruhannya kesemua 503 kes yang diterima oleh JTKSM telah berjaya diselesaikan. JTKSM memandang serius terhadap kesemua aduan yang diterima melibatkan pekerja tempatan atau PA.

Majikan mempunyai potensi untuk mengambil kesempatan dan melanggar undang-undang perburuhan diatas kehadiran ramai PA. Oleh yang demikian, JTKSM telah menanamkan nilai-nilai dikalangan majikan tentang kepentingan mereka untuk mematuhi kesemua peruntukan Undang-Undang Perburuhan sedia ada.

Dasar Penggajian PA Terkini

Negara tidak terlalu bergantung kepada sebuah negara sumber sahaja. Kebergantungan seperti ini akan memberi keupayaan kepada negara berkenaan untuk mensabotaj ekonomi, keselamatan dan ketenteraman awam negara pada bila-bila masa.

Bilangan PA yang sedia ada dikurangkan kepada tahap yang munasabah. Sekiranya PA masih diperlukan, pengambilannya hendaklah dijalankan secara berperingkat-peringkat agar bilangannya tidak meningkat secara mendadak.

Perancangan Tahun 2007

***Atache* Tenaga Kerja JTKSM**

Keperhatian KSM terhadap penggajian PA telah memberi lembaran baru tentang betapa peripentingnya sesebuah negara mewujudkan sistem, undang-undang dan syarat-syarat lain untuk memastikan kebajikan mereka terpelihara.



Kepentingan tersebut telah direalisasikan dengan pengwujudan jawatan *Atache* Tenaga Kerja JTKSM yang pada masa ini telah ditempatkan di Singapura dan Jakarta, Indonesia.

Pada masa ini jumlah rakyat Malaysia yang berhijrah ke luar negara untuk tujuan pekerjaan adalah besar. Perangkaan terkini yang diperolehi dari Singapura menunjukkan sekitar 200 hingga 250 ribu rakyat Malaysia telah berhijrah ke negara tersebut untuk bekerja di dalam pelbagai peluang pekerjaan dan sektor.

Atache Tenaga Kerja JTKSM di negara-negara berkenaan adalah untuk dijadikan tempat rujukan pekerja-pekerja Malaysia sekiranya mengalami apa-apa permasalahan berhubung pengajian mereka di sana.

Atache Tenaga Kerja JTKSM ini juga berperanan sebagai moderator kepada hasrat-hasrat negara-negara tersebut tentang keperluan-keperluan tertentu yang menyentuh aspek ketenagakerjaan sama ada melibatkan rakyat Malaysia atau rakyat mereka sendiri.

Pembantu Rumah Asing

Kemasukan Pembantu Rumah Asing (PRA) ke Malaysia mewakili 16% daripada jumlah keseluruhan 1.9 juta PA ke Malaysia.

Keperluan terhadap keselamatan mereka dari segi polisi perlindungan insurans telah dititikberatkan melalui cadangan pindaan Akta Pampasan Pekerja 1952 oleh KSM yang pada masa tidak merangkumi pengajian PRA.

Penutup

Pengurusan PA merupakan satu tanggungjawab yang rumit. Ia merupakan pengurusan berterusan yang memerlukan kos yang tinggi. Umum mengetahui bahawa pengajian mereka telah tidak secara langsung memberikan bebanan kepada negara akibat daripada penganggungan kos-kos yang berkaitan dengan pengajian mereka terutama dari segi rawatan kesihatan.

Umum juga mengetahui bahawa selama mereka digajikan di negara ini, pelbagai agensi Kerajaan seperti Polis, RELA dan tentera akan terlibat. Adalah menjadi dasar oleh Kerajaan mereka di mana kebenaran pengajian mereka akan hanya dipertimbangkan sekiranya tidak ada penawaran tenaga kerja tempatan di dalam sektor-sektor tertentu.

Namun senario semasa pengajian mereka mencerminkan sebaliknya di mana PA pada sesetengah keadaan memonopoli peluang-peluang pekerjaan yang boleh dilaksanakan oleh tenaga kerja tempatan. JTKSM mengenalpasti aspek penguatkuasaan yang longgar juga akan menyumbang kepada permasalahan pengajian PA di negara ini.

Oleh yang demikian, JTKSM akan sentiasa mengenalpasti jalan penyelesaian terhadap permasalahan-permasalahan yang wujud ke arah hasrat memantapkan kawalan pengajian PA di negara ini.



LAPORAN TAHUNAN **2006**

JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA | KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA



Bahagian
**KHIDMAT
PENGURUSAN**





JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA



<http://jtksm.mohr.gov.my>





BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Pendahuluan

Perkembangan pesat yang berlaku dalam jabatan di samping pelaksanaan pelbagai program sepanjang tahun 2006 memerlukan peruntukan kewangan yang besar dan khidmat sokongan yang efisien. Sejalan dengan keperluan tersebut Bahagian Khidmat Pengurusan telah mengoptimalkan seluruh sumber dan keupayaan iaitu sumber manusia, kemudahan fizikal dan teknologi ke arah merealisasikan hasrat jabatan untuk meningkatkan sistem penyampaian kepada pelanggan. Bahagian ini telah mengendalikan sejumlah RM37,005,000.00 pada tahun 2006 bagi membiayai keseluruhan aktiviti jabatan iaitu meningkat sebanyak 19% berbanding tahun 2005 (RM31,105,000.00).

Pelancaran program di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK9) turut menjadi faktor yang telah meningkatkan lagi aktiviti yang dilaksanakan oleh bahagian ini meliputi urusan penyediaan bajet, agihan peruntukan, projek pembangunan, penambahbaikan kemudahan fizikal dan prasarana bagi program berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Di samping itu program latihan juga telah diberi perhatian serius bagi memastikan seluruh anggota jabatan mendapat pengetahuan dan kemahiran yang sesuai dengan keperluan masa kini serta memperkukuhkan sikap yang positif.

Fungsi Bahagian Khidmat Pengurusan

- Bertanggungjawab dalam hal ehwal pentadbiran jabatan;
- Mengendalikan urusan perjawatan dan perkhidmatan;
- Menguruskan kewangan jabatan;
- Mengendalikan rekod prestasi, hal ehwal kaunseling dan tata tertib;
- Menyelaras aktiviti perhubungan awam; dan
- Merancang dan menyelaras program latihan anggota jabatan

Aktiviti Unit Pentadbiran

- i) Mengurus dan mengemaskini rekod-rekod berkaitan aset jabatan.
- ii) Mengurus dan mengatur penggunaan dan penyelenggaraan kenderaan jabatan.
- iii) Menjadi urus setia bagi Majlis Bersama Jabatan (MBJ) dan Persidangan Tahunan Pegawai-Pegawai Kanan.



- iv) Meneliti dan memastikan pengurusan stor dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.
- v) Meneliti dan memastikan inventori jabatan dikemaskini dari masa ke masa.
- vi) Memantau semua mesyuarat di peringkat negeri dan cawangan.
- vii) Memantau dan memastikan sistem pengurusan fail yang cekap diwujudkan di peringkat ibu pejabat, negeri dan cawangan.
- viii) Mengenalpasti dan melaksanakan pelupusan rekod jabatan.
- ix) Memantau dan menjaga keselamatan dokumen-dokumen jabatan.
- x) Memantau dan memastikan suasana yang kondusif dan selesa serta menjaga kebersihan dan keindahan pejabat.
- xi) Memberi perkhidmatan kaunter yang mesra, cekap dan berkesan
- xii) Memantau dan memastikan segala arahan-arahan pentadbiran Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian dan Agensi Pusat yang lain dipatuhi.

Persidangan Tahunan Pegawai-Pegawai Kanan telah dilangsungkan dengan jayanya di The City Bayview Hotel, Pulau Pinang pada 22 – 26 Januari 2006. Semasa persidangan ini pencapaian pelbagai aktiviti jabatan bagi tahun 2005 telah dinilai dan diputuskan langkah-langkah penambahbaikan. Persidangan juga telah menetapkan sasaran bagi aktiviti untuk tahun 2006.



YBhg. Dato' Ismail Hj. Abdul Rahim, Ketua Pengarah Tenaga Kerja sedang mempengerusikan Mesyuarat Pengurusan.



Unit Pentadbiran juga telah menjadi urus setia bagi Persidangan Setengah Tahun di A'Famosa Resort, Melaka pada 13 – 16 Ogos 2006. Persidangan ini telah dipengerusikan oleh Ketua Pengarah dan dihadiri oleh semua Pengarah-Pengarah Bahagian, Pengarah-Pengarah Negeri, Ketua-Ketua Unit (Ibu Pejabat) dan semua Penolong Pengarah Tenaga Kerja Kanan.

Pada tahun 2006 Unit Pentadbiran telah mengambil langkah meningkatkan kualiti perkhidmatan petugas kaunter dengan menanam sikap yang positif, mesra dan prihatin dengan slogan “**Senyum, Salam dan Sopan**”. Petugas kaunter juga telah diberi latihan khas menerusi dua sesi kursus yang diadakan pada bulan Januari dan Februari 2006.

Unit Kewangan

- i) Merancang dan menyediakan bajet jabatan.
- ii) Memantau perbelanjaan, menyelenggara dan mengemas kini rekod-rekod perbelanjaan mengurus jabatan di peringkat Ibu Pejabat dan negeri.
- iii) Meneliti keperluan dan mengurus segala urusan berkaitan pindah peruntukan belanja mengurus jabatan.
- iv) Memantau pelaksanaan dan urusan pembayaran projek pembangunan.
- v) Menguruskan semua urusan pembayaran perbelanjaan mengurus dan penyediaan baucer.
- vi) Mengkaji dan mengurus agihan peruntukan serta mengeluarkan waran kepada pejabat negeri.
- vii) Memantau dan mengemaskini rekod-rekod kewangan.
- viii) Bertanggungjawab memberi maklum balas bagi teguran oleh pihak audit mengenai hal-hal kewangan.
- ix) Menjadi urus setia kepada semua mesyuarat berkaitan kewangan.
- x) Membuat lawatan naziran kewangan di peringkat negeri dan cawangan.
- xi) Menguruskan segala hal berkaitan e-Perolehan dan e-SPKB.
- xii) Memastikan semua peraturan kewangan dipatuhi mengikut Pekeliling, Surat Pekeliling dan Arahan-arahan yang dikeluarkan oleh pihak Perbendaharaan.

Unit Perjawatan dan Perkhidmatan

- i) Merancang penstrukturan semula organisasi jabatan.
- ii) Mengenal pasti dan mengisi kekosongan jawatan.
- iii) Merancang dan mengurus semua urusan pertukaran pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan



- iv) Menguruskan pelantikan dan pengesahan lantikan pegawai dan kakitangan.
- v) Menguruskan pengesahan dalam perkhidmatan pegawai dan kakitangan jabatan.
- vi) Merancang dan mengurus semua urusan kenaikan pangkat.
- vii) Mengurus dan mengemaskini semua rekod dan buku perkhidmatan pegawai dan kakitangan jabatan.
- viii) Mengendali urusan persaraan pegawai dan kakitangan jabatan.
- ix) Menyelaras semua permohonan keluar negara atas urusan rasmi atau urusan persendirian.
- x) Mengemaskini SISPEN.
- xi) Menghadiri mesyuarat berkaitan dengan perjawatan dan perkhidmatan.



Kelihatan YBhg. Dato' Ismail, Ketua Pengarah Tenaga Kerja sedang memberi taklimat kepada tetamu dan sesi perbincangan yang melibatkan pihak majikan.

- xiii) Membuat laporan berkaitan dengan perjawatan dan perkhidmatan kepada pihak kementerian .
- xiii) Menyelaras urusan pemangkuan dan tanggung kerja pegawai dan kakitangan jabatan.
- xiv) Memastikan segala arahan-arahan pentadbiran Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian dan Agensi Pusat yang lain dipatuhi.

Pada tahun 2006, unit ini telah mengemukakan kertas cadangan kepada pihak Kementerian Sumber Manusia bagi penstrukturan semula organisasi jabatan. Penyusunan semula kali ini melibatkan perubahan besar bagi memenuhi keperluan yang semakin meningkat khususnya untuk memantapkan lagi pentadbiran dan penguatkuasaan undang-undang buruh ke arah membantu pembangunan ekonomi negara. Jabatan telah memohon sebanyak 1,570 jawatan baru berbanding 926 jawatan sedia ada. Di samping itu penyusunan semula ini juga memasukkan permohonan mewujudkan Jabatan Tenaga Kerja Negeri Perlis dan dua pejabat cawangan yang baru iaitu di Kuala Selangor dan Setiu, Terengganu. Apabila penstrukturan semula ini diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) usaha meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian akan dapat diperhebatkan bagi memenuhi keperluan pelanggan serta menjayakan dasar Kerajaan.



Pada tahun 2006 unit ini juga telah diarahkan untuk menyediakan kertas cadangan bagi mewujudkan jawatan **Atache** Buruh di negara yang terdapat ramai tenaga kerja Malaysia dan negara yang banyak membekalkan tenaga kerja di Malaysia. Ini adalah salah satu daripada usaha untuk menjaga kebajikan pekerja Malaysia di luar negara dan langkah mengatasi masalah yang sering timbul dalam kalangan pekerja asing.

Unit Pengurusan Prestasi, Kaunseling dan Tata Tertib

- i) Merancang dan menyelaras hal ehwal tata kelakuan pegawai dan kakitangan jabatan
- ii) Menjadi urus setia kepada mesyuarat Lembaga Tata Tertib jabatan
- iii) Merancang, menyelaras dan menyelesaikan aduan awam terhadap pegawai dan kakitangan jabatan.
- iv) Merancang, menyelaras dan memberikan perkhidmatan kaunseling kepada pegawai.
- v) Menguruskan pencalonan bintang kebesaran dan pingat negeri/persekutuan untuk pegawai dan kakitangan jabatan.
- vi) Menguruskan hal-hal penganugerahan Khidmat Cemerlang.
- vii) Menyelaras Laporan Penilaian Prestasi Tahunan pegawai dan kakitangan.
- viii) Menjadi urus setia mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan jabatan.
- ix) Memastikan segala arahan dan pekeliling yang berkaitan dipatuhi.
- x) Memantau program bagi meningkatkan integriti dalam kalangan pegawai dan kakitangan.

Unit Latihan

- i) Merancang dan menyedia program latihan dan bajet berkaitan latihan.
- ii) Menyelaras pelaksanaan kursus bagi semua anggota jabatan.
- iii) Menyediakan keperluan latihan khas bagi bahagian/unit dan negeri.
- iv) Menyelaras penyertaan anggota jabatan dalam kursus anjuran Kementerian Sumber Manusia.
- v) Menyelaras pencalonan bagi kursus yang dianjurkan oleh agensi lain (awam dan swasta) termasuk kursus luar negara.

Sepanjang tahun 2006 sebanyak 32 kursus telah dianjurkan oleh Unit Latihan dengan penyertaan seramai 1182 orang peserta dalam kalangan pegawai dan kakitangan pelbagai gred dan skim perkhidmatan. Kursus tersebut adalah kursus jangka pendek yang meliputi



aspek peningkatan kualiti, perundangan, aplikasi Bursa Buruh Elektronik (ELX), kepimpinan, kewangan dan bimbingan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK).

Unit Latihan juga menyelaraskan kursus-kursus peringkat negeri dan pada tahun 2006 sebanyak 26 kursus telah dilaksanakan meliputi bidang perundangan, pembangunan diri, *team building* dan sistem pengurusan kualiti ISO. Seramai 1023 peserta telah menghadiri kursus-kursus tersebut.

Selain daripada kursus dalaman, pegawai dan kakitangan juga telah berpeluang menghadiri kursus anjuran agensi lain (awam dan swasta). Pada tahun 2006 jabatan telah menghantar peserta untuk menyertai 21 program luar berkaitan pengurusan, kewangan, perhubungan perusahaan, pentadbiran, isu-isu semasa, kesetiausahaan, kecerdasan emosi dan pembangunan sosial.



Aktiviti luar yang melibatkan sesi senaman ketika kursus berlangsung turut dititikberatkan oleh Unit Latihan.

Pada tahun 2007 program latihan akan terus menekankan aspek peningkatan pengetahuan dan kemahiran serta mengukuhkan lagi sikap positif ke arah memberi perkhidmatan pelanggan yang efisien, efektif dan mesra.

Unit Perhubungan Awam

- i) Menyelaras penerbitan dan pengedaran risalah jabatan kepada pelanggan dan orang ramai.
- ii) Menyelenggara dan mengemas kini maklumat serta membuat pengumuman bagi isu-isu di bawah bidang kuasa jabatan dalam laman web.



Unit Pusat Khidmat Pelanggan bersedia membantu menyelesaikan masalah dan memberi khidmat nasihat.

- iii) Mengumpul dan memantau berita berkaitan jabatan yang dilaporkan oleh media.
- iv) Menyelaras aktiviti berkenaan khidmat nasihat dan aduan menerusi telefon dan e-mel.
- v) Menyelaras perhubungan dengan pihak media dan orang ramai bagi isu-isu berkaitan fungsi dan bidang kuasa jabatan.
- vi) Menyelaras urusan berkaitan parlimen.
- vii) Menyelaras urusan menerima lawatan daripada pihak luar.

Pada tahun 2006 Unit Perhubungan Awam telah dipertanggungjawabkan untuk menjayakan projek *Call Centre* yang merupakan inisiatif baru Kementerian Sumber Manusia. Projek ini adalah untuk memastikan pelanggan mendapat layanan terbaik menerusi panggilan telefon. Semua pegawai dan kakitangan telah diberi taklimat tentang cara mengendalikan panggilan dan kaedah menjana laporan yang berkaitan.

Unit ini bercadang untuk memperbanyakkan risalah dan maklumat untuk disebarkan kepada pelanggan khususnya pekerja, majikan dan pencari kerja. Usaha juga akan dilakukan untuk menambah baik maklumat yang disebarkan melalui laman **web** jabatan. Layanan pelanggan akan terus dipertingkatkan khususnya menerusi perkhidmatan *Call Centre* dan aduan serta khidmat nasihat menerusi e-mel.

Sambutan Hari Kualiti 2006

Bahagian Khidmat Pengurusan telah menjadi urus setia bagi sambutan Hari Kualiti tahun 2006 peringkat Ibu Pejabat. Acara kemuncak sambutan Hari Q 2006 telah diadakan pada 21 Disember 2006 dengan tema "Kualiti Bermula Dari Diri". Ketua Pengarah Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia telah turut hadir dan menyampaikan perutusan khas. Di antara acara yang diadakan sempena sambutan kali ini ialah ceramah kualiti, pertandingan slogan, pertandingan koir dan kuiz. Sambutan ini telah memberi kesan yang positif kepada semua anggota jabatan khususnya tentang peranan setiap individu dalam organisasi ke arah memberi perkhidmatan yang cemerlang.



Perancangan Tahun 2007

Tahun 2007 dijangka akan dipenuhi dengan pelbagai projek dan program yang memerlukan komitmen yang tinggi daripada setiap anggota jabatan khususnya bagi memastikan segala perancangan di bawah RMK 9 berjalan dengan lancar. Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia telah diberi peruntukan keseluruhan berjumlah RM57.45 juta bagi sepanjang tempoh RMK 9 meliputi projek membabitkan *Job Clearing System* bagi kemudahan pencari kerja dan majikan, projek membina 3 pejabat baru, projek Skim Bantuan Galakan Perniagaan Orang Kurang Upaya, projek promosi Karnival Pekerjaan, projek menaik taraf 8 pejabat dan projek Bantuan Pemantapan dan Pengasuhan Kanak-Kanak Di Ladang. Bagi tahun 2007 sejumlah RM12,269,200 akan dibelanjakan untuk melaksanakan program tersebut.

Untuk meningkatkan lagi tahap kompetensi seluruh anggota jabatan dan bagi merealisasikan dasar kerajaan berkenaan pembangunan modal insan jabatan dijangka akan membelanjakan sejumlah RM1.2 juta untuk tujuan latihan.



Pegawai Tenaga Kerja bertugas di bilik *Call Centre* bagi menjawab dan memberi khidmat nasihat kepada pelanggan.



**JADUAL 1
KURSUS TAHUN 2006 UNIT LATIHAN DAN KUALITI**

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH	BIL PESERTA	TEMPAT	PENYELARAS
J A N U A R I					
1	Bengkel Peningkatan Kualiti Perkhidmatan Kaunter Sesi I	16 - 19	40 orang	ESSET, Bangi	JTKSM
F E B R U A R I					
2	Bengkel Peningkatan Kualiti Perkhidmatan Kaunter Sesi II	6 - 9	41 orang	NIOSH, Bangi	JTKSM
3	Bengkel Peningkatan Kualiti Khidmat Pelanggan Sesi I	20 - 24	46 orang	NIOSH, Bangi	JTKSM
4	Kursus Bimbingan Kerjaya Untuk Jurulatih (Bhg Perkhidmatan Pekerjaan)	20 - 25	26 orang	NIOSH, Bangi	JTKSM
5	Kursus ELX Untuk Ketua-Ketua Pejabat (Refresher Course) (Bhg PP)	27 - 1 Mac	20 orang	Bilik ICT, KSM	JTKSM
M A C					
6	Bengkel Peningkatan Kualiti Khidmat Pelanggan Sesi II	6 - 10	38 orang	NIOSH, Bangi	JTKSM
7	Kursus JCS Modul 70	13 - 15	24 orang	Bilik ICT, KSM	JTKSM
8	Kursus JCS Modul 70	21 - 22	24 orang	Bilik ICT, KSM	JTKSM
9	Bengkel Peningkatan Kualiti Khidmat Pelanggan Sesi III	20 - 24	37 orang	NIOSH, Bangi	JTKSM
10	Bengkel Peningkatan Kualiti Khidmat Pelanggan Sesi IV	27 - 31	34 orang	NIOSH, Bangi	JTKSM
11	Bengkel Penyediaan Pelan Tindakan ke Arah Memperkasakan Unit Hal Ehwal Wanita, Kanak-Kanak dan OKU (Bhg SP)	26 - 29	50 orang	Grand Continental Hotel, Langkawi	JTKSM
12	Kursus ELX Untuk Ketua-Ketua Pejabat (Refresher Course) (Bhg PP)	27 - 29	20 orang	Bilik ICT, KSM	JTKSM
A P R I L					
13	Bengkel Peningkatan Kompetensi Gred N17 - N22	11 - 14	78 orang	NIOSH, Bangi	JTKSM
M E I					
14	Kursus JCS Modul 70	9 - 10	22 orang	Bilik ICT, KSM	JTKSM
15	Kursus JCS Modul 70	18 - 19	26 orang	Bilik ICT, KSM	JTKSM
16	Bengkel Peningkatan Persekitaran Kerja Kumpulan Sokongan 2	21 - 24	40 orang	NIOSH, Bangi	JTKSM
17	Kursus ELX Untuk Ketua-Ketua Pejabat (Refresher Course) (Bhg PP)	23 - 25	20 orang	Bilik ICT, KSM	JTKSM
18	Kursus Peningkatan Kompetensi (Perkhidmatan Pekerjaan)	30 - 1 Jun	60 orang	NIOSH, Bangi	JTKSM



BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH	BIL PESERTA	TEMPAT	PENYELARAS
JUN					
19	Kursus Untuk Jurulatih Peringkat Lanjutan	8 - 13	36 orang	NIOSH, Bangi	JTKSM
20	Bengkel Peningkatan Kompetensi Gred N11	26 -29	47 orang	NIOSH, Bangi	JTKSM
21	Bengkel Peningkatan Kompetensi Gred N3	26 -29	31 orang	NIOSH, Bangi	JTKSM
JULAI					
22	Bengkel Pengurusan Kewangan	25 - 28	51 orang	NIOSH, Bangi	JTKSM
OGOS					
23	Bengkel KPI (<i>Key Performance Indicators</i>)	7 - 10	27 orang	NIOSH, Bangi	JTKSM
24	Kursus Peningkatan Kompetensi (Pengendalian Aduan)	28 - 30	26 orang	NIOSH, Bangi	JTKSM
SEPTEMBER					
25	Kursus Peningkatan Kompetensi (Perkhidmatan Pekerjaan)	4 - 6	49 orang	Pusat Latihan BSN Bangi.	JTKSM
26	Kursus PTK (S17 - S26)	19 - 22	38 orang	NIOSH, Bangi	JTKSM
OKTOBER					
27	Bengkel Pengendalian Temuduga dan Penulisan Resume Berkesan	3 - 6	24 orang	NIOSH, Bangi	JTKSM
NOVEMBER					
28	Kursus Kepimpinan dan Kemahiran Komunikasi Sesi I	1 - 4	33 orang	D'Palma, Kuala Selangor	JTKSM
29	Kursus Kepimpinan dan Kemahiran Komunikasi Sesi II	8 - 11	44 orang	D'Palma, Kuala Selangor	JTKSM
30	Kursus Bimbingan PTK S41	13 - 16	67 orang	NIOSH, Bangi	JTKSM
31	Kursus Bimbingan PTK S32 - S27	20 - 23	35 orang	NIOSH, Bangi	JTKSM
32	Kursus Bimbingan PTK S26-S17 & L17	20 - 23	28 orang	NIOSH, Bangi	JTKSM



JADUAL 2
PERJAWATAN JABATAN TENAGA KERJA
SEMENANJUNG MALAYSIA 2006

Bil.	JABATAN	Pengurusan Tertinggi		Pengurusan & Profesional		Sokongan		JUMLAH	
		J	I	J	I	J	I	J	I
1	Ibu Pejabat	1	1	32	29	70	65	103	95
2	WPKL			2	1	10	10	12	11
3	Kuala Lumpur			15	15	38	36	53	51
4	Pulau Pinang			2	2	10	7	12	9
5	Georgetown			8	7	17	15	25	22
6	Butterworth			7	7	25	17	32	24
7	Selangor			2	1	10	8	12	9
8	Subang Jaya			8	8	30	24	38	32
9	Rawang			3	2	12	12	15	14
10	Pelabuhan Klang			8	8	18	16	26	24
11	Bangi			7	7	15	13	22	20
12	Johor			2	2	10	8	12	10
13	Johor Bahru			13	13	28	23	41	36
14	Kluang			3	3	12	10	15	13
15	Segamat			3	3	13	10	16	13
16	Muar			4	4	13	10	17	14
17	Batu Pahat			3	2	10	8	13	10
18	Perak			2	1	10	8	12	9
19	Ipoh			7	7	31	27	38	34
20	Taiping			3	3	9	9	12	12
21	Kuala Kangsar			2	2	12	12	14	14
22	Teluk Intan			3	3	11	9	14	12
23	Tapah			2	2	9	8	11	10
24	Sitiawan			2	2	11	10	13	12
25	Gerik			1	1	6	5	7	6
26	Kedah/Perlis			2	1	10	10	12	11
27	Alor Star			4	4	19	17	23	21
28	Kangar			2	2	11	8	13	10
29	Kulim			2	2	8	8	10	10
30	Sungai Petani			5	5	18	17	23	22
31	Langkawi			2	2	8	8	10	10
32	Pahang			2	1	10	9	12	10
33	Kuantan			4	4	15	14	19	18
34	Raub			2	2	9	8	11	10
35	Temerloh			3	3	9	9	12	12
36	Bentong			2	2	8	7	10	9
37	Pekan			1	1	7	7	8	8
38	Terengganu			2	2	9	9	11	11
39	Kuala Terengganu			3	3	12	11	15	14
40	Dungun			2	2	9	9	11	11
41	Kemaman			2	2	9	9	11	11
42	Negeri Sembilan			2	1	10	10	12	11
43	Seremban			5	5	17	16	22	21
44	Kuala Pilah			2	2	8	7	10	9
45	Kelantan			2	2	10	9	12	11
46	Kota Bharu			4	4	15	15	19	19
47	Kuala Krai			2	2	8	8	10	10
48	Melaka			2	2	10	9	12	11
49	Melaka			5	5	18	17	23	22
50	Wilayah Persekutuan Labuan			1	1	9	9	10	10
	JUMLAH	1	1	209	197	716	640	926	838


Petunjuk: J – Jawatan

I – Diisi

Huruf Gelap – Pejabat Negeri

31 Disember 2006

73





LAPORAN TAHUNAN **2006**

JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA | KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA



Bahagian
**PERKHIDMATAN
PEKERJAAN**



2006 KERJA CEMERLANG NEGARA TERBILAN

diadakan oleh
Y.A.B. DATO' SERI ANWAR BIN HAJI AHMAD BADAWI
Menteri Malaysia

13 MEI 2006





BAHAGIAN PERKHIDMATAN PEKERJAAN

Pendahuluan

Bahagian Perkhidmatan Pekerja memainkan peranan penting dalam usaha untuk memberi keutamaan dan mengekalkan peluang-peluang pekerjaan kepada warganegara Malaysia. Ia dilaksanakan melalui aktiviti-aktiviti seperti Sistem Penjodohan Pekerjaan (JCS), karnival pekerjaan, temuduga terbuka dan perlesenan agensi pekerjaan swasta.

Fungsi Bahagian

- Mengendalikan pendaftaran dan penempatan pencari kerja.
- Menyediakan perkhidmatan bimbingan kerjaya kepada penuntut-penuntut dan pencari kerja.
- Menguatkuasakan Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981.
- Mewujudkan satu perkhidmatan maklumat pasaran buruh yang berkesan.

Unit Agensi Pekerjaan Swasta

Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 (Akta 246) telah dikuatkuasakan mulai 19 Februari 1981. Dengan berkuatkuasanya akta ini, seseorang yang ingin menjalankan urusan agensi pekerjaan swasta dikehendaki mempunyai lesen yang dikeluarkan oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia. Aktiviti utama unit ini adalah:

- Memproses permohonan baru

Memproses permohonan pembaharuan lesen

Pada tahun 2006, di peringkat Ibu Pejabat, sebanyak 173 permohonan baru telah dikendalikan dan daripada jumlah tersebut 160 permohonan telah berjaya diselesaikan dalam tempoh sebulan. Ini menunjukkan pencapaian peratusan sebanyak 93% daripada jumlah permohonan yang telah dikendalikan (Jadual 1).

Di peringkat negeri, sebanyak 91 permohonan lesen baru telah dikendalikan. Daripada jumlah tersebut 89 berjaya diselesaikan dalam tempoh 14 hari dan selebihnya diselesaikan melebihi tempoh 14 hari yang telah ditetapkan. Ini menunjukkan pencapaian sebanyak 98% daripada jumlah keseluruhan permohonan yang dikendalikan (Jadual 2).



Untuk permohonan pembaharuan lesen di peringkat ibu Pejabat, sebanyak 814 permohonan telah dikendalikan dan semuanya berjaya diselesaikan dalam tempoh 1 bulan (Jadual 1). Bagi peringkat negeri pula, sebanyak 745 permohonan yang telah dikendalikan. Daripada jumlah tersebut 729 permohonan berjaya diselesaikan dalam tempoh 14 hari dan selebihnya diselesaikan melebihi tempoh yang telah ditetapkan. Ini menunjukkan pencapaian sebanyak 98% daripada jumlah keseluruhan permohonan yang dikendalikan (Jadual 2).

JADUAL 1
PERMOHONAN BARU DAN PEMBAHARUAN LESEN DI IBU PEJABAT TAHUN 2006

JENIS PERMOHONAN	JUMLAH DIKENDALIKAN 1 BULAN	SELESAI PROSES 1 BULAN	%	SELESAI PROSES > 1 BULAN	%
PERMOHONAN BARU	173	160	93	13	8
PEMBAHARUAN LESEN	814	814	100	0	0

Unit Penguatkuasaan Agensi Pekerjaan Swasta

Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 merupakan salah satu daripada akta yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Tenaga Kerja. Semua aduan yang diterima membabitkan agensi diselesaikan dan dipantau oleh Unit Penguatkuasaan Agensi Pekerjaan Swasta di Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan Ibu Pejabat. Fungsi utama unit ini adalah:

- Menguatkuasakan Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981
- Mengawasi dan memantau aktiviti Agensi Pekerjaan Swasta dalam mematuhi peruntukan di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981
- Mengurus, mentadbir dan mengadakan ceramah/ taklimat mengenai Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981

Pada tahun 2006, sebanyak 47 aduan berkaitan agensi pekerjaan swasta telah diterima oleh Jabatan berbanding hanya 23 aduan pada tahun 2005. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 43 aduan telah berjaya diselesaikan (Jadual 3).



JADUAL 2
JUMLAH PERMOHONAN BARU DAN PEMBAHARUAN LESEN
YANG DIKENDALIKAN MENGIKUT NEGERI TAHUN 2006

NEGERI	JUMLAH DIKENDALIKAN		SELESAI SIASATAN DALAM 14 HARI		SELESAI SIASATAN > 14 HARI					
	PERMOHONAN BARU	PEMBAHARUAN LESEN	PERMOHONAN BARU	PEMBAHARUAN LESEN	PERMOHONAN BARU	PEMBAHARUAN LESEN				
			%	%	%	%				
KEDAH	2	21	1	50	17	81	1	50	4	19
PULAU PINANG	15	67	15	100	67	100	0	0	0	0
PERAK	8	39	8	100	30	77	0	0	9	23
KUALA LUMPUR	17	215	17	100	213	99	0	0	2	1
SELANGOR	29	273	29	100	273	100	0	0	0	0
PAHANG	2	12	2	100	12	100	0	0	0	0
TERENGGANU	1	6	0	0	6	100	1	100	0	0
KELANTAN	0	6	0	-	6	100	0	-	0	0
NEGERI SEMBILAN	5	16	5	100	16	100	0	0	0	0
MELAKA	3	18	3	100	18	100	0	0	0	0
JOHOR	9	71	9	100	70	99	0	0	1	1
LABUAN	0	1	0	-	1	100	0	-	1	100
JUMLAH	91	745	89	98	729	98	2	2	17	2



JADUAL 3
ADUAN PENGUATKUASAAN AGENSI PEKERJAAN SWASTA
TAHUN 2004, 2005 DAN 2006

Kes/Tahun	2004	2005	2006
Aduan	45	23	47
Selesai	45	23	43

Unit Pencari Kerja dan Penjodohan Pekerjaan

Pendaftaran Baru

- ❑ Pada tahun 2006 seramai 104,082 orang Pendaftar Baru telah mendaftarkan diri sebagai pencari kerja melalui Sistem Penjodohan Pekerjaan (JCS) di bawah aplikasi Electronic Labour Exchange (ELX) berbanding tahun 2005 iaitu seramai 99,798 orang. Ini menunjukkan berlakunya peningkatan sebanyak 4% (Jadual 4).
- ❑ Tiga negeri yang mencatatkan pendaftaran baru tertinggi adalah Kedah/Perlis (13,580) diikuti dengan Selangor (13,460) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (12,317).
- ❑ Dari jumlah keseluruhan pendaftaran

Para pencari kerja sedang melayari Job Clearing System (JCS) secara 'on line' ketika berlangsungnya Karnival Pekerjaan.



tersebut, sejumlah 50,525 orang adalah terdiri daripada golongan graduan dan selebihnya adalah golongan bukan graduan. Ini menunjukkan sebanyak 49% daripada kalangan pendaftar baru yang menggunakan sistem ELX/JCS adalah terdiri daripada golongan graduan.

Nota:

Istilah Pendaftar yang dirujuk di atas adalah mereka yang mendaftarkan nama bagi mencari pekerjaan melalui ELX/JCS tidak terhad kepada mereka yang masih menganggur tetapi terbuka kepada sesiapa sahaja yang ingin mencari pekerjaan bagi sebarang tujuan seperti meningkatkan kerjaya, menukar kerjaya, menukar lokasi tempat kerja, memperolehi gaji yang baik dsb.



Senario semasa Karnival Pekerjaan sedang berlangsung di tapak Karnival.

Kekosongan Jawatan

- ❑ Tahun 2006 mencatatkan jumlah kekosongan yang dilaporkan meningkat lebih sekali ganda iaitu 787,694 jawatan kosong yang didaftarkan berbanding hanya 329,113 bagi tahun 2005; di mana 57% daripada kekosongan tersebut adalah dari kategori pekerja asas. Ini berikutan daripada syarat wajib yang telah ditetapkan terhadap setiap majikan yang berhasrat untuk menggajikan pekerja asing supaya terlebih dahulu mendaftarkan kekosongan jawatan tersebut di dalam sistem ELX/JCS.
- ❑ Daripada jumlah tersebut, negeri Johor merekodkan pendaftaran kekosongan jawatan tertinggi iaitu sebanyak 209,569 kekosongan, diikuti Selangor dengan 168,321 kekosongan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan 84,818 kekosongan.

Penempatan

- ❑ Sejumlah 16,550 orang pencari kerja telah dapat ditempatkan disepanjang 2006 dan kategori pekerjaan perkeranian mencatatkan jumlah yang tertinggi iaitu sebanyak 30% daripada jumlah penempatan yang telah berjaya dilakukan. Walaubagaimanapun, tahun 2006 mencatatkan penurunan dalam jumlah penempatan iaitu sebanyak 2% berbanding tahun 2005 (16,867).
- ❑ Negeri Kedah/Perlis mencatatkan penempatan tertinggi dengan 2,651 orang berjaya ditempatkan diikuti dengan Kelantan (2,357) dan Perak (2,119).



JADUAL 4
PERBANDINGAN AKTIVITI : PENDAFTARAN, KEKOSONGAN DAN PENEMPATAN TAHUN 2005 DAN
2006

Negeri	Pendaftaran Baru		Kekosongan		Penempatan	
	2005	2006	2005	2006	2005	2006
JOHOR	9,479	10,464	79,876	209,596	964	570
KEDAH / PERLIS	10,992	13,580	16,762	35,961	2,371	2,651
KELANTAN	10,832	8,538	9,792	10,635	1,322	2,375
MELAKA	3,976	6,020	13,256	38,359	299	728
NEGERI SEMBILAN	5,058	6,072	17,322	45,577	814	1,043
PAHANG	6,692	6,965	15,975	37,703	946	444
PERAK	13,863	10,834	31,130	61,403	4,624	2,119
PULAU PINANG	4,522	4,230	20,845	68,551	168	1,869
SELANGOR	12,396	13,460	71,433	168,321	1,417	1,956
TERENGGANU	7,303	7,488	5,780	8,331	1,213	1,080
WP KUALA LUMPUR	10,180	12,317	33,992	84,818	976	1,362
WP LABUAN	1,008	988	990	4,248	73	201
WP PUTRAJAYA	3,497	3,126	11,960	14,191	1,680	152
Jumlah	99,798	104,082	329,113	787,694	16,867	16,550

Unit Bimbingan Kerjaya dan Promosi

Karnival Pekerjaan

- ❑ Dalam usaha kerajaan memastikan semua rakyat Malaysia mempunyai peluang untuk mendapatkan pekerjaan, aktiviti Karnival Pekerjaan telah diperkenalkan. Karnival ini memberikan peluang kepada majikan dan bakal-bakal pekerja bertemu secara langsung. Majikan boleh memilih bakal pekerja yang sesuai manakal pencari kerja pula boleh memilih pekerjaan yang mereka inginkan. Melalui karnival ini juga aktiviti bimbingan kerjaya turut diadakan. Ia bertujuan memberi pendedahan mengenai panduan menghadiri temuduga, peluang pekerjaan dan sebagainya. Selain daripada itu, melalui karnival ini pencari kerja yang turut didedahkan mengenai peluang-peluang kerjaya berbentuk usahawan.
- ❑ Karnival pekerjaan merupakan satu platform yang terbaik bagi pihak Jabatan mempromosikan ELX/JCS (Electronic Labor Exchange). Sistem ini membolehkan pencari kerja mendaftar seterusnya mencari pekerjaan secara 'on-line'.
- ❑ Sepanjang tahun 2006, sebanyak 12 program Karnival Pekerjaan telah diadakan bagi peringkat Negeri dan 4 program Karnival Pekerjaan diadakan dengan kerjasama IPTA. Daripada aktiviti tersebut, sebanyak 34,894 kekosongan jawatan telah ditawarkan dan sebanyak 20% daripada kekosongan tersebut berjaya ditempatkan melalui aktiviti temuduga terbuka semasa karnival tersebut dijalankan (Jadual 5). Manakala di peringkat mini karnival, seramai 8,827 pencari kerja telah mendaftar



melalui Sistem ELX/JCS dan 3,597 pencari kerja telah berjaya ditempatkan.



Temuduga Terbuka

YB Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman Bakar merasmikan Karnival Pekerjaan yang diadakan di Negeri Kelantan Darul Naim.

- ❑ Aktiviti temuduga terbuka dijalankan oleh pihak majikan dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia. Ianya dijalankan di Pejabat Tenaga Kerja Negeri atau Daerah. Para pencari kerja yang telah mendaftar dengan sistem ELX/JCS dan berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan yang ditawarkan oleh pihak majikan akan dihubungi untuk menghadiri sesi temuduga terbuka yang telah dijadualkan. Sepanjang tahun 2006, sebanyak 503 temuduga terbuka telah diadakan dan seramai 304 majikan telah menyertainya. Daripada 7,723 jumlah kekosongan jawatan yang telah ditawarkan oleh majikan, seramai 2,348 calon berjaya ditempatkan dan semuanya adalah daripada kategori bukan siswazah.

Ceramah Kerjaya

- ❑ Merupakan aktiviti ceramah, taklimat atau dialog disampaikan kepada para pencari kerja lepasan sekolah, belia-belia, pekerja yang diberhentikan, persatuan, jabatan dan agensi kerajaan /swasta. Kandungan ceramah merangkumi aspek kerjaya, penerangan tentang sistem ELX/JCS atau sebarang aktiviti yang berkaitan dengan alam pekerjaan. Kelompok yang terlibat haruslah tidak kurang daripada 10 peserta bagi setiap aktiviti.
- ❑ Sepanjang tahun 2006, sebanyak 415 ceramah kerjaya di seluruh negeri telah berjaya dijalankan dan seramai 25,513 orang peserta telah menyertainya (Jadual 6).

JADUAL 5

KARNIVAL PEKERJAAN, TEMUDUGA TERBUKA, CERAMAH BIMBINGAN KERJA DAN SEMINAR SEHARI BAGI TAHUN 2006

AKTIVITI	BILANGAN AKTIVITI	JUMLAH PENDAF-TARAN	KEKOSONGAN JAWATAN	JUMLAH MAJIKAN MENYERTA	JUMLAH PENEMPATAN	ANGGARAN PENGUNJUNG
----------	-------------------	---------------------	--------------------	-------------------------	-------------------	---------------------



Karnival Peringkat Negeri	12	22,827	28,423	314	4,538	122,464
Karnival Kerjaya Kerjasama Dengan IPT	4	894	6,471	72	2,297	32,000
Mini Karnival Peringkat Daerah	73	8,827	11,250	269	3,597	27,011
Aktiviti Temuduga di Pejabat	503	-	7,723	304	2,348	-
Jumlah	592	32,548	53,867	959	12,780	181,475

JADUAL 6
AKTIVITI BIMBINGAN KERJAYA & KAUNSELING BAGI TAHUN 2006

AKTIVITI	JUMLAH CERAMAH	JUMLAH PESERTA
CERAMAH KERJAYA	415	25,513

Perancangan Tahun 2007

Menempatkan Semula Pejabat Perkhidmatan Pekerjaan Dan KIOS Pekerjaan Di Lokasi-Lokasi Yang Lebih Strategik.

Bagi memperkukuhkan lagi sistem JCS/ELX supaya lebih mudah diakses oleh pencari kerja, kerajaan telah meluluskan penempatan semula Pejabat Perkhidmatan Pekerjaan dan KIOS Pekerjaan di lokasi-lokasi yang lebih strategik. Ini adalah sebagai salah satu cara untuk mendekati orang ramai (reach-out) dan meningkatkan penyampaian perkhidmatan JCS yang lebih mesra pelanggan. Pejabat dan Kios Pekerjaan ini akan berfungsi sebagai tempat menjalankan aktiviti-aktiviti berikut:

- Memberi pendedahan dan promosi kepada orang ramai mengenai perkhidmatan pekerjaan JCS.
- Menjalankan pendaftaran kepada pencari kerja dan pendaftaran kekosongan jawatan oleh majikan.
- Menyenaraikan jawatan-jawatan kosong mengikut jenis dan lokasi pekerjaan, kelayakan dan kemahiran yang diperlukan dan sebagainya.
- Memberi khidmat kaunseling dan bimbingan kerjaya kepada pencari kerja.
- Sebagai tempat untuk majikan dan pencari kerja mengadakan sesi temuduga dan pemilihan calon.

Pusat Penghantaran Pekerja Malaysia ke Luar Negara (MOEMC)



Penubuhan Pusat Penghantaran Pekerja Malaysia ke Luar Negara (MOEMC) adalah untuk mengurus, menyelaraskan serta memperkukuhkan perlindungan ke atas masalah dan aduan pekerja Malaysia yang akan dan telah bekerja di luar negara. Objektif penubuhan MOEMC adalah seperti berikut ;

- Sebagai pusat maklumat pekerja Malaysia di luar negara
- Mendaftar, menyelaraskan dan menguruskan pekerja Malaysia ke luar negara secara terkawal
- Memperkukuhkan perlindungan ke atas masalah dan aduan pekerja Malaysia di luar negara
- Bertanggungjawab melaksanakan perkara-perkara yang dipersetujui dengan Negara Penerima

Ia melibatkan kerjasama erat dan rangkaian kerja di antara JTKSM dengan agensi pekerjaan swasta yang telah diberikan kebenaran endorsan. Di samping menyediakan kaedah dan sistem penghantaran yang seragam, terperinci dan jelas, ia juga bertindak sebagai 'one stop centre' untuk rekod-rekod terkini semua pekerja Malaysia yang ingin dan telah bekerja di luar negara.

Bagi tujuan tersebut, kerajaan telah meluluskan penubuhan empat pusat MOEMC iaitu, di Putrajaya, Johor Bharu, Kota Kinabalu dan Kuching. Penubuhan pusat ini adalah untuk memastikan penghantaran pekerja ke luar negara lebih sistematik dan perlindungan ke atas hak-hak pekerja warganegara di luar negara lebih terjamin.

Di samping memastikan penghantaran pekerja oleh agensi pekerjaan berlesen di bawah Jabatan mengikut prosedur dan peraturan, setiap penghantaran pekerja ke luar negara oleh agensi pekerjaan swasta yang diberi lesen oleh Kerajaan perlu mengemukakan permohonan mendapatkan kebenaran Ketua Pengarah terlebih dahulu.





LAPORAN TAHUNAN **2006**

JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA | KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA



Bahagian
**PERUNDANGAN &
PENGUATKUASAAN**







BAHAGIAN PERUNDANGAN DAN PENGUATKUASAAN

1. Pendahuluan

Bahagian Perundangan dan Penguatkuasaan terdiri daripada dua unit iaitu Unit Perundangan dan Unit Penguatkuasaan. Ia diketuai oleh seorang pengarah dan dibantu oleh tiga penolong pengarah dan dua kakitangan sokongan. Sepanjang tahun 2006, Bahagian Perundangan telah giat mengkaji dan mencadangkan pindaan kepada Akta Kerja 1955, Akta Pampasan Pekerja 1952, Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 dan Peraturan-Peraturan subsidiari bagi memantapkan urustadbir penguatkuasaan undang-undang buruh nasional.

2. Fungsi Dan Objektif

Sebagai mendokong visi Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia di dalam menjana pengurusan sumber manusia yang cemerlang di sektor swasta, Bahagian Perundangan dan Penguatkuasaan menggembeng usaha bersama bahagian-bahagian lain untuk menggubal dasar dan strategi pelaksanaan kesemua lapan Akta di bawah bidangkuasa Jabatan.

Sehubungan itu, Bahagian Perundangan dan Penguatkuasaan berfungsi sebagaimana berikut :

- Mengkaji, mendraf dan menggubal Akta-akta, Peraturan-peraturan subsidiari dan perintah-perintah Menteri Sumber Manusia di bawah bidang kuasa JTKSM selaras dengan keperluan perburuhan semasa.
- Memproses, mengeluarkan dan mengawal selia permohonan permit perburuhan di bawah Akta Kerja 1955, Akta Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 dan Akta (Penggajian) Kanak-kanak dan Orang Muda 1966.
- Memantau aktiviti-aktiviti pengendalian kes-kes buruh di Mahkamah Buruh, Penguatkuasaan Perintah Ketua Pengarah Di Mahkamah-Mahkamah Sivil, Permohonan Rayuan Terhadap Perintah Ketua Pengarah di Mahkamah-Mahkamah Tinggi dan Pendakwaan serta Pengkompaunan.
- Menganalisis dan mengedar keputusan-keputusan Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Perusahaan berhubung Isu-Isu Perburuhan.
- Menyediakan kertas kerja, kertas jemaah menteri dan surat-surat pekeliling berkaitan aktiviti-aktiviti pengendalian kes perburuhan, nasihat perundangan dan ketetapan Ibu Pejabat bagi kegunaan Jabatan, Kementerian Sumber Manusia dan agensi-agensi lain.
- Menyelaras pelaksanaan semua arahan kerja dan surat pekeliling Bahagian Perundangan dan Penguatkuasaan.



- Memantau dan memberi khidmat nasihat berkaitan tafsiran dan pemahaman peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan Jabatan kepada orang awam.
- Menyelaras hal-ehwal perburuhan negara yang berkaitan dengan cadangan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dan perkara-perkara di bawah bidangkuasa Jabatan.
- Bekerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan lain berhubung isu-isu perburuhan negara.

Pengendalian Kes Buruh

Aktiviti utama JTKSM adalah menerima tuntutan dan memutuskan pertikaian melalui perbicaraan kes di Mahkamah Buruh sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 69 Akta Kerja 1955. Keputusan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Buruh meliputi pembatalan kes, perintah persetujuan, perintah ingkar, pembuangan kes dan perintah pembayaran.

Berdasarkan rekod "Labour Market Database" (LMD), sepanjang tahun 2006 Jabatan telah menerima sebanyak 11,169 kes baru. Baki kes bagi tahun 2005 adalah sebanyak 2,442 kes, menjadikan bilangan kes dikendalikan pada tahun 2006 adalah sebanyak 13,611 kes.

- Secara keseluruhannya pecahan bilangan kes diterima dan diselesaikan mengikut negeri adalah ditunjukkan dalam Carta 1 dan Jadual 1.




Pihak majikan dan pekerja sedang memberi keterangan di Mahkamah Buruh.



- Sepanjang tahun 2006 sebanyak 11,097 kes telah berjaya diselesaikan dalam tempoh berikut iaitu:
 - (a) 3,777 (34%) kurang 2 bulan;
 - (b) 3,359 (30%) antara 2 hingga 3 bulan; dan
 - (c) 2,261 (20%) lebih 3 bulan.
- Sehingga akhir 2006, 2,515 kes akan diselesaikan pada tahun 2007.

Sepanjang tahun 2006, 11,169 kes baru diterima dan sebanyak 13,611 kes dikendalikan berbanding tahun 2005 di mana 10,582 kes buruh diterima dan 13,372 dikendalikan. Negeri Selangor mencatat 2,947 kes, Johor 1,928 kes dan Kuala Lumpur 1,555 kes, menunjukkan taburan

CARTA 1
BILANGAN KES YANG DISELESAIKAN MENGIKUT NEGERI
BAGI TAHUN 2006



JADUAL 1
KEDUDUKAN KES BURUH MENGIKUT NEGERI DAN TEMPOH MASA DISELESAIKAN TAHUN 2006

NEGERI	Baki Kes		Kes Terma		Kes Kendali		Bil Selesai		Bilangan Kes Diselesaikan			Kes Belum Selesai	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	1 bulan	2 - 3 bulan	> 3 bulan	Bil	%
JOHOR	274	1,957	2,231	1,928	86	387	20	834	43	311	16	304	
KEDAH/PERLIS	69	750	819	780	95	471	60	196	25	43	5	39	
KELANTAN	21	207	228	207	90	119	51	61	29	15	7	21	
MELAKA	140	600	740	581	78	287	48	133	22	108	17	159	
NEGERI SEMBILAN	109	522	631	568	90	204	35	157	27	126	22	63	
PAHANG	76	533	609	493	80	285	57	127	25	37	7	116	
PULAU PINANG	142	756	898	761	84	451	59	186	11	54	7	137	
PERAK	132	1,025	1,157	1,015	87	510	50	298	29	109	10	142	
SELANGOR	930	3,135	4,065	2,947	72	530	17	807	27	965	32	1,118	
TERENGGANU	37	240	277	223	80	146	65	47	21	19	18	54	
W.P. KUALA LUMPUR	512	1,403	1,915	1,555	81	356	22	511	32	474	30	360	
W.P. LABUAN	0	41	41	39	95	36	92	2	5	0	20	2	
JUMLAH	2,442	11,169	13,611	11,097	78	3,777	34	3,359	30	2,261	25	2,515	

Sumber : Laporan LMD bertarikh 11.1.2007






tertinggi berbanding negeri-negeri lain.

- Dalam tempoh 2 hingga 3 bulan sebanyak 3,359 kes (30%) telah berjaya diselesaikan bagi tahun 2006 berbanding dengan 1,348 (13%) dalam tahun 2005.
- Penyelesaian dalam tempoh lebih 3 bulan pada tahun 2006 sebanyak 2,261 (30%) berbanding 2,604 kes (25%) pada tahun 2005. Perbandingan penyelesaian kes bagi tahun 2006 dan 2005 (Carta 2).

Analisis Kes Buruh Yang Tertangguh

- Pada tahun 2006 baki kes buruh adalah sebanyak 2,515 berbanding dengan baki kes tahun 2005 iaitu sebanyak 2,897.

CARTA 2
BILANGAN PENYELESAIAN KES BURUH
TAHUN 2005 DAN 2006






- Pada keseluruhannya baki kes tertangguh adalah tertumpu di negeri-negeri yang banyak mengendalikan kes. Baki kes bagi negeri Selangor adalah sebanyak 1,118 (44%), Kuala Lumpur 360 (14%), Johor 304 (12%) dan Melaka 159 (5%). Carta 3 menunjukkan keseluruhan baki kes.
- Kebanyakan kes-kes yang tertangguh adalah disebabkan faktor-faktor berikut:
 - i. Mempunyai kompleksiti perundangan
 - ii. Kegagalan penyerahan saman, dan
 - iii. Permohonan berulang untuk menangguh kes daripada pihak-pihak yang dibicarakan.

Analisis Tuntutan Kes Buruh

Tuntutan Di Bawah Seksyen 69 Akta Kerja 1955

Sepanjang tahun 2006, sebanyak 7,716 kes diterima di bawah seksyen ini. Manakala kes yang

KEDUDUKAN BAKI KES BURUH TAHUN 2006





dikendalikan adalah sebanyak 9,175 kes.

Sebanyak 8,446 kes telah berjaya diselesaikan di mana sejumlah RM94,922,904 telah diperintahkan kepada pekerja manakala RM606,510 telah diperintahkan kepada majikan untuk dibuat pembayaran.

Peningkatan tuntutan kes buruh oleh pekerja-pekerja di bawah Jadual Pertama Akta Kerja 1955 menunjukkan mereka semakin prihatin dengan hak-hak yang diperuntukkan oleh undang-undang buruh.

Jenis-jenis tuntutan seperti Baki Gaji, Gaji Ganti Notis, Bayaran Gaji Lebih Masa, Faedah Penamatan dan adalah faedah-faedah lain yang dinyatakan di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan.

Tuntutan Di Bawah Seksyen 69B Akta Kerja 1955

Di bawah seksyen ini, sebanyak 142 kes tuntutan dari pihak majikan terhadap pekerja telah dikendalikan dalam tahun 2006. Sebanyak 129 kes berjaya diselesaikan dengan bayaran perintah yang dikeluarkan berjumlah RM195,671.

Dalam kes tuntutan pekerja terhadap majikan, sebanyak 1,084 kes berjaya diselesaikan berbanding 1,202 kes yang dikendalikan. Sejumlah RM11,250,435 telah diperintahkan terhadap majikan untuk dibuat pembayaran kepada pekerja yang terlibat.

Majoriti mereka bekerja sebagai Pegawai Tadbir atau Eksekutif dan mempunyai tahap latar belakang pendidikan yang tinggi serta mempunyai kedudukan ekonomi yang kuat dan mantap.

Kebanyakan tuntutan yang diterima ialah mengenai Baki Gaji yang tidak dibayar, tidak diberi notis berhenti kerja atau tidak diberi komisen sebagaimana yang diperuntukkan di bawah kontrak perkhidmatan mereka.

Tuntutan Di Bawah Seksyen 69C Akta Kerja 1955

Kes-kes di bawah Sek 69C Akta Kerja adalah tuntutan oleh majikan terhadap pekerja kerana memberhentikan atau menamatkan perkhidmatan tanpa memberi notis atau tanpa menunggu sehingga tempoh notis itu berakhir.

Bagi kes-kes yang melibatkan pekerja di bawah Seksyen 69C Akta Kerja 1955, sebanyak RM1,598,005 diperintahkan kepada majikan, manakala RM106,379,547 kepada pekerja. Setakat 2006 bayaran berjumlah RM62,521,391 dibuat kepada pekerja dan RM570,779 kepada majikan. Baki kes yang dibawa ke hadapan ialah 825 kes (10%) dari 7,873 kes yang dikendalikan.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya kes-kes yang dikendalikan di bawah Seksyen 69 Akta Kerja ialah 9,175 kes, di mana 8,446 (92%) kes telah berjaya diselesaikan dengan bayaran yang diperintahkan kepada majikan RM606,510 dan RM94,922,904 kepada pekerja. Manakala baki kes tertanggung ialah 686 kes (7%) dari jumlah kes yang dikendalikan sepanjang tahun 2006.



Secara amnya, masalah kes tertanggung adalah rendah, berbanding keseluruhan kes yang dikendalikan. Tahniah kepada semua pejabat atas prestasi pencapaian yang memuaskan.

Penguatkuasaan Perintah Mahkamah Buruh

Perintah Mahkamah Buruh boleh didaftarkan di Mahkamah Sesyen mengikut Aturan 39 Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980 dan perintah tersebut diberi pengiktirafan sebagai perintah Mahkamah itu. Tindakan untuk menguatkuasakan perintah diteruskan mengikut proses Saman Penghutang Penghakiman dan Notis Penghakiman, serta Writ Penyitaan dan Penjualan.

Berdasarkan rekod LMD, jumlah kes buruh yang dikuatkuasakan sepanjang tahun 2006 adalah 132 kes dengan penyelesaian 37 kes. Sebanyak 95 kes lagi tertanggung kerana pelbagai masalah berbangkit terutamanya kesukaran untuk menyerahkan saman. Daripada 47 kes yang diselesaikan tersebut, sejumlah RM1,119,083 telah diperintahkan dibayar kepada 704 pekerja dan 7 majikan yang terlibat (Jadual 2 dan Carta 4).

Kesimpulan

Penguatkuasaan perintah Mahkamah Buruh melalui Saman Penghutang Penghakiman dan Writ Penyitaan dan Penjualan adalah merupakan alternatif kepada tindakan pendakwaan dan kompaun, sekiranya perintah tersebut tidak dipatuhi oleh pihak-pihak bertikai. Namun, tindakan penguatkuasaan perintah ini tidak dapat diteruskan dalam keadaan-keadaan berikut:-

- (a) syarikat telah diperintah untuk digulungkan oleh Mahkamah Tinggi,
- (b) tiada maklumat lengkap dan betul mengenai syarikat atau pengarah-pengarahnya; dan
- (c) tiada bayaran sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual B Aturan 48 Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980 dikemukakan oleh Pengadu.

Rayuan Perintah Mahkamah Buruh

Keputusan kes-kes buruh yang meliputi perintah ingkar, pembuangan kes dan perintah bayaran boleh dirayu ke Mahkamah Tinggi dalam tempoh 14 hari dari tarikh keputusan diberi kepada pihak-pihak bertikai sekiranya mereka tidak berpuashati. Setiap kes buruh yang dirayu dikehendaki mematuhi prosedur yang ditetapkan di bawah Aturan 49 Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980. Rayuan boleh juga difailkan selepas tamat tempoh 14 hari dengan mendapatkan kebenaran daripada Mahkamah Tinggi bagi memfailkan rayuan di luar masa. Peranan Pejabat




JADUAL 2
STATISTIK PENGUATKUASAAN PERINTAH MAHKAMAH BURUH DI MAHKAMAH MAJISTRET
DAN MAHKAMAH SESYEN PADA TAHUN 2006

NEGERI	SEKSYEN 69 AKTA KERJA 1955				KES TERIMA				KES SELESAI			
	Bil Kes Lepas	Bil Kes Dikuatkuasa	Bil. Majikan Terlibat	Bil. Pekerja Terlibat	Amaan Tuntutan (RM)	Bil Kes Selesai	Bil Majikan Terlibat	Bil Pekerja Terlibat	Amaan Tuntutan (RM)	Bil Kes Tangguh		
JOHOR	39	31	31	147	458,850	8	1	42	62,684	23		
KEDAH/PERLIS	24	9	9	55	46,928	2	1	12	9,160	7		
KELANTAN	0	0	0	0	2,404	0	0	0	0	0		
MELAKA	5	11	11	519	895,419	7	1	509	886,041	4		
NEGERI SEMBILAN	3	1	1	1	1,537	0	0	0	0	1		
PAHANG	9	2	2	40	27,531	0	0	0	24,931	2		
PULAU PINANG	0	7	7	66	86,635	5	1	18	80,381	2		
PERAK	26	13	13	67	127,326	8	1	40	53,687	5		
SELANGOR	29	46	46	211	44,750	6	1	82	0	40		
TERENGGANU	0	3	3	46	26,838	0	0	0	2,200	3		
KUALA LUMPUR	23	9	9	21	61,781	1	1	1	0	8		
WP. LABUAN	0	0	0	0	0	0	0	0	1,119,083	0		
JUMLAH	158	132	132	1,173	2,174,594	37	7	704	3,848	95		
SEKSYEN 69B AKTA KERJA 1955												
MELAKA	3	3	3	6	3,848	3	1	6	0	0		
NEGERI SEMBILAN	1	1	1	1	4,550	0	0	0	0	1		
SELANGOR	23	23	23	54	329,694	0	0	0	2,813	23		
KUALA LUMPUR	10	10	10	25	112,486	1	1	3	6,661	9		
JUMLAH	37	37	37	86	450,578	4	2	9	0	33		
SEKSYEN 69C AKTA KERJA 1955												
MELAKA		1	1	4	3,176	1	1	4	3,176	0		
SELANGOR		1	1	1	2,435	0	0	0	0	1		
JUMLAH		2	2	5	5,611	1	1	4	3,176	1		
JUMLAH BESAR		171	171	1264	2,630,783	42	10	717	1,128,920	129		

Sumber : Laporan LMD bertarikh 25.09.2007



CARTA 4
PERBANDINGAN KEDUDUKAN KES PENGUATKUASAAN
PERINTAH MAHKAMAH BURUH TAHUN 2005 DAN 2006



Tenaga Kerja dalam hal rayuan ini adalah untuk memaklumkan kepada Mahkamah Tinggi mengenai penerimaan rayuan dan menyediakan rekod rayuan untuk pihak perayu. Tindakan selanjutnya bergantung kepada keputusan rayuan di Mahkamah Tinggi.

Jika rayuan tidak difailkan dan pihak kena tuntutan diperintah membayar, maka pihak kena tuntutan perlu mendepositkan amaun yang diperintah di Pejabat Tenaga Kerja yang mengeluarkan perintah tersebut. Jika gagal berbuat demikian, faedah 8% setahun akan dikenakan bermula dari hari ke 31 dari tarikh perintah dibuat.

Sepanjang 2006, jumlah kes rayuan yang dikendalikan adalah sebanyak 172 kes berbanding 468 kes pada tahun 2005. Daripada 172 kes yang dikendalikan tersebut, 8 kes telah diputuskan dengan hanya 1 kes dibenarkan manakala 7 kes lagi ditolak. Johor mencatatkan jumlah kes rayuan tertinggi iaitu 31 kes, Selangor sebanyak 20 kes, Perak 16 kes dan selebihnya, lain-lain negeri (Jadual 3 dan Jadual 4).

Kesimpulan

Penurunan statistik kes buruh yang dirayu ke Mahkamah Tinggi secara tidak langsung menunjukkan pihak-pihak bertikai mengakuri perintah yang diputuskan oleh Mahkamah Buruh. Ini akan dapat membantu mengurangkan jumlah kes rayuan yang tertunggak di Mahkamah Tinggi.



JADUAL 3
PERBANDINGAN KEDUDUKAN KES RAYUAN TAHUN 2005 DAN 2006

Jumlah Kes	2005	2006
Kes Dikendalikan	468	172
Kes Diputuskan	4	8
Kes Dibenarkan	2	1
Kes Ditolak	-	7

JADUAL 4
RAYUAN TERHADAP KES-KES BURUH PADA TAHUN 2006

NEGERI	BILANGAN KES SEMASA				JENIS RAYUAN DIPERINTAH				BILANGAN KES TERFANGGULU		
	Baki Lepas	Majikan	Pekerja	Jumlah Kes	Rayuan Dibe-narkan	Ditolak	Dengar Semula	Jumlah Kes	Majikan	Pekerja	Jumlah Kes
JOHOR	31	6	7	13	1	5	0	6	13	21	34
KEDAH/PERLIS	3	3	2	5	0	0	0	0	3	3	6
KELANTAN	2	0	0	0	0	0	0	0	1	1	2
MELAKA	6	3	6	9	0	0	0	0	4	9	13
NEGERI SEMBILAN	2	0	0	0	0	0	0	1	2	0	2
PAHANG	5	0	0	0	0	1	0	1	1	1	2
PULAU PINANG	8	0	1	1	0	1	0	0	4	3	7
PERAK	16	4	7	11	0	0	0	0	9	14	23
SELANGOR	20	9	10	19	0	0	0	0	17	8	25
TERENGGANU	3	0	0	0	0	0	0	0	0	3	3
KUALA LUMPUR	15	1	2	3	0	0	0	0	5	11	16
JUMLAH	111	26	35	61	1	7	0	8	59	74	133





Pendakwaan

Tujuan utama aktiviti pendakwaan adalah untuk memastikan para majikan mematuhi undang-undang buruh yang dikuatkuasakan oleh Jabatan dan melindungi kebajikan pekerja. Majikan yang gagal mematuhi perintah Mahkamah Buruh umpamanya adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan tindakan pendakwaan di bawah seksyen 69(4) Akta Kerja 1955. Apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi RM10,000 dan jika kesalahan berterusan boleh dikenakan denda harian tidak melebihi RM100 bagi setiap hari kesalahan itu dilakukan. Tindakan pendakwaan itu hanya boleh diambil selepas tempoh 30 hari dari tarikh keputusan dibacakan.

Walaupun tiada sasaran kerja tahunan ditetapkan bagi aktiviti pendakwaan, semua Pejabat Tenaga Kerja digalakkan untuk meningkatkan aktiviti ini sebagaimana arahan Ibu Pejabat melalui Surat Pekeliling Bahagian Perundangan dan Penguatkuasaan Bil 5/2006. Berdasarkan rekod LMD sepanjang tahun 2006, seramai 97 majikan telah didakwa untuk pelbagai kesalahan dengan 67 daripadanya berjaya disabitkan dengan kutipan denda RM84,900 (Jadual 5 dan Carta 5).




JADUAL 5
RUMUSAN MENGENAI PENDAKWAAN TAHUN 2006

NEGERI	Bilangan Majikan		Bilangan Pertuduhan	Amaan Denda (RM)	Bilangan Kes		
	Didakwa	Berjaya Didakwa			Dibatalkan	Dibuang	Didenda
JOHOR	2	0	4	0	0	0	0
KEDAH/PERLIS	47	44	49	47,800	0	0	44
MELAKA	16	10	25	14,500	0	0	10
PAHANG	1	1	1	2,000	0	0	1
PERAK	23	10	11	13,600	0	0	10
SELANGOR	2	2	4	7,000	0	0	2
KUALA LUMPUR	6	0	6	0	0	0	0
JUMLAH	97	67	100	84,900	0	0	67

Sumber : Laporan LMD bertarikh 25.09.2007



CARTA 5
PERBANDINGAN KEDUDUKAN KES PENDAKWAAN
TAHUN 2005 DAN 2006



Pengendalian Tuntutan Pampasan Pekerja

Secara amnya pengendalian kes pampasan pekerja di bawah Akta Pampasan Pekerja 1952 bertujuan membantu pekerja asing bergaji di bawah RM2,000 yang mengalami kecederaan akibat kemalangan yang berbangkit dari dan dalam masa pekerjaan. JTK bertanggungjawab untuk menguruskan tuntutan pampasan pekerja asing yang dibahagikan menurut kategori kes. Kes Hilang Upaya Sementara (HUS), Kes Hilang Upaya Kekal (HUK) dan Kes Maut (M) dalam tempoh 14 hari hingga 1 bulan dari tarikh penerimaan maklumat lengkap daripada pihak-pihak berkenaan (Jadual 6).

Pencapaian

Kes Hilang Upaya Sementara (HUS)

Berdasarkan rekod LMD, jumlah keseluruhan kes yang diterima sepanjang tahun 2006 adalah sebanyak 4,665 kes HUS.

Sebanyak 4,121 kes telah dibuat taksiran dalam tempoh 14 hari sebagaimana sasaran yang



telah ditetapkan. Peratusan kes HUS yang berjaya dibuat taksiran berbanding kes yang dikendalikan adalah sebanyak 88%.

Sejumlah RM1,606,898.50 wang pampasan telah dibayar kepada 3,617 orang pekerja yang terlibat dengan kemalangan HUS. Negeri Johor mencatatkan jumlah pembayaran tertinggi diikuti Negeri Selangor dan Perak (Jadual 7).

Kes Hilang Upaya Kekal (HUK)

Sepanjang tahun 2006, sebanyak 843 kes HUK yang lengkap telah dikendalikan. Sebanyak 725 kes ditaksirkan dalam tempoh 30 hari sebagaimana sasaran yang telah ditetapkan.

Seramai 763 orang telah mendapat faedah wang pampasan berjumlah RM2,974,632.57 hasil daripada taksiran yang dibuat oleh pihak Jabatan (Jadual 7).

Jabatan memandang serius mengenai kebajikan pekerja termasuk pekerja asing dan sentiasa memastikan majikan mematuhi peraturan yang mewajibkan semua pekerja asing yang digajikan dilindungi dengan polisi insuran yang diiktiraf.

Kes Maut (M)

Sebanyak 410 kes maut telah dikendalikan oleh Jabatan sepanjang tahun 2006. Sebanyak 226 kes dibuat taksiran melibatkan pembayaran wang pampasan sebanyak RM3,202,635.45. Pembayaran wang pampasan dibuat kepada waris pekerja melalui kedutaan yang mewakili negara asal pekerja yang terlibat.



JADUAL 6
KEDUDUKAN KES PAMPASAN PEKERJA TAHUN 2006

NEGERI	BIL KES LENGKAP			BIL KES SELESAI			SELESAI TAKSIRAN			MAUT			KES TERTANGGUH		
	MAUT	HUK	HUS	HUS	HUK	MAUT	< 14 HARI 1 BULAN	14 HARI 1 BULAN	< 1 BULAN	> 1 BULAN	< 1 BULAN	1 BU- LAN - 1 THN	HUS	HUK	MAUT
JOHOR	84	274	1470	1,453	266	77	1,164	143	219	46	67	9	1,453	266	77
KEDAH/PERLIS	24	51	22	215	49	24	208	3	47	2	24	0	215	49	24
KELANTAN	10	12	50	50	11	8	45	2	11	0	8	0	50	11	8
MELAKA	7	38	226	212	37	4	200	4	35	2	3	1	212	37	4
NEGERI SEMBILAN	19	23	373	351	18	14	345	1	18	0	14	0	351	18	14
PAHANG	22	28	285	281	27	21	279	0	27	0	21	0	281	27	21
PULAU PINANG	21	53	328	318	52	18	296	10	47	5	17	1	318	52	18
PERAK	48	123	700	693	129	44	653	22	126	3	41	3	693	129	44
SELANGOR	137	200	964	926	194	122	766	71	169	23	116	6	926	194	122
TERENGGANU	3	4	18	17	4	3	17	0	4	0	3	0	17	4	3
KUALA LUMPUR	34	18	141	140	18	34	140	0	18	0	341	0	140	18	34
W.P LABUAN	1	4	9	9	4	1	8	0	4	0	1	0	9	4	1
JUMLAH	410	843	4,786	4,665	809	370	4,121	256	725	81	349	20	4,665	809	370

Sumber: Laporan LMD bertarikh 11.1.2007

JADUAL 7
BILANGAN KES PAMPASAN PEKERJA ASING YANG DILAPORKAN TAHUN 2006

NEGERI	MAUT		HUK		HUS		JUMLAH	
	BIL	JUMLAH (RM)	BIL	JUMLAH (RM)	BIL	JUMLAH (RM)	BIL	JUMLAH (RM)
JOHOR	46	1,123,104.45	250	992,432.39	1,199	427,664.27	1,495	2,543,201.11
KEDAH/PERLIS	11	235,335	46	12,3579.17	147	66,074.84	204	4,24989.01
KELANTAN	4	100,000	7	4,8867.87	43	12,632.20	54	161,500.07
MELAKA	0	0	36	1,798,919.98	178	139,164.22	214	319,056.20
NEGERI SEMBILAN	1	25,000	17	61,791.89	265	78,536.63	283	165,328.52
PAHANG	7	171,000	22	146068.97	226	65,363.97	255	382,432.94
PULAU PINANG	7	173,000	48	183,742.68	176	166,613.62	231	523,356.30
PERAK	18	446,000	124	503,102.30	543	225,336.86	685	1,174,439.16
SELANGOR	28	658,196	188	663,924.12	733	375,478.93	949	1,697,599.05
TERENGGANU	1	25,000	4	13,249	16	5700	21	43949
KUALA LUMPUR	9	223,000	17	43,292.12	83	35,339.33	109	301,631.45
W.P. LABUAN	1	23,000	4	14690.03	8	8,993.62	13	46,683.65
JUMLAH	133	3,202,635.45	763	2,974,632.52	3,617	1,606,898.50	4,513	7,784,166.46

Sumber : Laporan LMD bertarikh 18.09.2007





Pengeluaran Permit Perburuhan

JTKSM memberi perlindungan kepada para pekerja melalui Akta Kerja 1955, Akta Standard minimum Perburuhan Pekerja 1990, Akta (Penggajian) Kanak-Kanak dan Orang Muda 1966 dengan memelihara supaya kebajikan pekerja terjaga dan tidak ditindas. Tujuan aktiviti pengeluaran permit perburuhan adalah untuk memberi pengecualian daripada pemakaian peruntukan-peruntukan tertentu undang-undang buruh kepada majikan. Ia juga bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran dan kecekapan tahap operasi majikan dengan mengoptimumkan sumber-sumber yang ada. Permit perburuhan hanya dikeluarkan sekiranya ia memberikan kebaikan kepada kedua-dua pihak iaitu majikan dan pekerja. Permit-permit perburuhan akan diproses dalam tempoh satu bulan dari tarikh penerimaan dokumen lengkap daripada pemohon kecuali permohonan permit di bawah Akta Standard Minimum Perumahan Pekerja yang diproses dalam tempoh 2 bulan.

a. Permit Perburuhan Di Bawah Akta Kerja 1955

Permit-permit perburuhan yang dikeluarkan oleh Jabatan di bawah Akta Kerja 1955 adalah seperti berikut:-

- i. Permit membayar gaji lewat dari tempoh yang ditetapkan (melebihi 7 hari dari tempoh gaji) - Seksyen 19.
- ii. Permit memberi pinjaman/pendahuluan melebihi sebulan gaji - Seksyen 22.
- iii. Permit untuk membuat potongan daripada gaji pekerja (selain potongan-potongan yang sah) - Seksyen 24
- iv. Permit pengecualian daripada sekatan kerja malam bagi pekerja wanita - Seksyen 34.
- v. Permit mengumpul cuti rehat mingguan - Seksyen 59 (1B)
- vi. Permit untuk mendapatkan kelonggaran waktu kerja biasa - Seksyen 60A (1A).
- vii. Permit bekerja melebihi sekatan kerja lebihmasa - Seksyen 60A (4) (a).
- viii. Permit kebenaran waktu kerja syif - Seksyen 60 (C).
- ix. Permit kebenaran skim bayaran insentif - Seksyen 60I.
- x. Permit menyimpan daftar pekerja dalam cara / bentuk lain.
- xi. Permit menyimpan daftar pekerja di Ibu Pejabat syarikat - Peraturan 6 (Peraturan-peraturan Kerja 1957).

b. Permit Di Bawah Akta Standard-Standard Minimum Perumahan Dan Kemudahan Pekerja 1990

Di bawah Akta Standard-Standard Minimum Perumahan Dan Kemudahan Pekerja 1990, pihak majikan tidak diwajibkan membina perumahan bagi pekerja mereka. Bagaimanapun sekiranya majikan berhasrat menyediakan kemudahan tersebut, ia perlulah mengikut spesifikasi yang ditetapkan di bawah akta ini.



Akta ini berperanan memastikan rumah yang disediakan oleh majikan kepada pekerja berkeadaan sempurna dan selesa. Selain itu dikehendaki majikan menggantikan rumah-rumah yang usang dan substandard dengan yang baru serta menyediakan Dewan Komuniti, Pusat Asuhan Kanak-kanak dan Kemudahan Kesihatan.

Sebelum membina atau mengubahsuai rumah-rumah pekerja atau pusat asuhan kanak-kanak, majikan ladang perlu mendapat kelulusan JTKSM berhubung dengan pelan-pelan bangunan yang hendak didirikan. Bagi rumah-rumah yang dibina sebelum tahun 1990 yang tidak memenuhi standard yang diperuntukkan mengikut Akta ini perlu diubahsuai atau diganti dengan yang baru. Majikan adalah dikehendaki mendapatkan Sijil Kelayakan Menduduki (CFO) daripada JTKSM sebelum pekerja-pekerja dibenarkan menduduki rumah-rumah tersebut.

c. Permit di bawah Akta (Penggajian) Kanak-kanak dan Orang Muda 1966

Di bawah Akta ini, majikan yang ingin menggaji kanak-kanak untuk hiburan awam, perlu memohon kebenaran daripada Ketua Pengarah Tenaga Kerja.

Surat Pelepasan Kontrak

Sekiranya kontrak-kontrak kerja antara jabatan-jabatan atau agensi-agensi kerajaan dengan pihak swasta menetapkan syarat mengenai keperluan mendapatkan surat pelepasan kontrak daripada Pejabat Tenaga Kerja, kontraktor-kontraktor, prinsipal atau majikan berkenaan hendaklah mendapatkan surat pelepasan tersebut daripada Pejabat Tenaga kerja yang berdekatan dengan projek dijalankan.

Selepas menerima permohonan, Pejabat Tenaga Kerja berkenaan akan menyemak Daftar Kes Aduan, Daftar Kes Buruh Dan Daftar Kes Pampasan Pekerja bagi memastikan tiada apa-apa tuntutan / aduan difailkan terhadap subkontraktor / kontraktor / principal.

Surat Pelepasan Kontrak hanya akan dikeluarkan oleh Pejabat Tenaga Kerja berkenaan sekiranya Pegawai Tenaga Kerja berpuashati bahawa tiada apa-apa tuntutan / aduan difailkan terhadap kontraktor / subkontraktor principal bagi sesuatu projek. Pengeluaran Surat Pelepasan Kontrak dalam keadaan biasa adalah 2 minggu.

Pencapaian

Pengeluaran Permit Perburuhan Di bawah Akta Kerja 1955

Berdasarkan rekod LMD (Labour Market Data) bagi tahun 2006 sejumlah 5,918 permohonan permit di bawah Akta Kerja telah dikendalikan (Jadual 8). Daripada jumlah permohonan dalam kendalian, sebanyak 4,022 permohonan permit telah diproses dan dikeluarkan (68%). Sebanyak 3,676 kelulusan permit telah dikeluarkan dalam tempoh 2 bulan, 98 permit dalam tempoh 3 bulan dan 115 melebihi 3 bulan.

Baki permit yang tertunggak ialah 1,896 permohonan(32%) dari keseluruhan 5,918 permohonan yang diproses.

Ulasan Mengenai Pengeluaran Permit dan Sijil Perburuhan



Berdasarkan rekod LMD permit potongan gaji sahaja dapat direkodkan. Sejumlah 3,640 permohonan potongan gaji telah diterima dan diproses. Bilangan permit yang diselesaikan dalam tempoh satu bulan ialah 2,898 (80%), 186 (5%) dalam tempoh 2 bulan, 65(2%) dalam 3 bulan, manakala 89 permit (2%) melebihi 3 bulan. Jumlah permit yang diselesaikan ialah 3,349 (92%) dengan baki permohonan permit yang tertunggak 1,236 permohonan (34%) dari keseluruhan permohonan permit berkenaan.

JADUAL 8
PEMROSSESAN PERMIT PERBURUHAN DI BAWAH AKTA KERJA 1955 PADA TAHUN 2006

NEGERI	Bil. Belum Selesai	Bil. Diterima	Jumlah Diken- dali	BILANGAN PERMOHONAN SELESAI DALAM					Jumlah Selesai	Baki Tertanggung
				1 Bulan	2 Bulan	3 Bulan	> 3 Bulan			
JOHOR	58	910	968	687	12	29	4	873	95	
KEDAH/PERLIS	438	542	980	369	55	28	18	505	475	
KELANTAN	5	33	38	29	0	0	0	29	9	
MELAKA	103	141	244	127	4	4	2	139	105	
NEGERI SEMBILAN	96	209	305	188	5	0	0	193	112	
PAHANG	5	26	31	2	1	2	5	14	17	
PULAU PINANG	309	1,702	2,011	1,564	6	2	5	585	426	
PERAK	1	253	254	232	3	1	2	239	15	
SELANGOR	273	173	446	89	31	9	9	150	296	
TERENGGANU	7	26	6	11	0	0	0	11	22	
KUALA LUMPUR	63	156	219	60	21	10	67	190	29	
W.P. LABUAN	0	25	25	20	2	1	0	23	2	
JUMLAH	1,358	4,196	5,554	3,378	250	86	112	3,951	1,603	

Sumber : Laporan LMD bertarikh 11.1.2007





JABATAN TENAGA KERJA
SEMENANJUNG MALAYSIA



<http://jtksm.mohr.gov.my>

Alamat Pejabat-Pejabat Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia 2006



<http://jtksm.mohr.gov.my>





ALAMAT PEJABAT-PEJABAT TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA 2006

PEJABAT	STATUS	ALAMAT	TELEFON, FAKSIMILI, E-MAIL
PUTRAJAYA	Ibu Pejabat	Aras 5, Blok D3, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62530 Putrajaya	 (D/L) 03-88865000  (T.Kerja) 03-88889111  03-88892368  jtksm@mohr.gov.my
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR	Negeri Cawangan	Tingkat 9, Menara PERKESO, 281 Jalan Ampang, 50532 Kuala Lumpur	 (D/L) 03-42576767  (T.Kerja) 03-42579111  03-42581501  pbwpkl@mohr.gov.my
Wilayah Persekutuan Labuan	Cawangan	Tingkat 6, Blok 4, Kompleks Ujana Kewangan, Jalan Merdeka, 87007 Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah	 (D/L) 087-412753  (T.Kerja) 087-429111  087-422529  pblab@mohr.gov.my
KEDAH / PERLIS ALOR SETAR	Negeri Cawangan	Tingkat 3, Wisma Persekutuan, Jalan Kampung Baru, 05532 Alor Setar, Kedah	 (D/L) 04-7322215 / 7300700  (T.Kerja) 04-7319111  04-7301952  jbkedah@mohr.gov.my
Kangar	Cawangan	Tingkat 1, Bangunan Tun Abdul Razak, 01000 Kangar, Perlis	 (D/L) 04-9771928  (T.Kerja) 04-9779111  04-9771959  pbkgr@mohr.gov.my
Sungai Petani	Cawangan	JKR 80, Jalan Sungai Petani, 08000 Sungai Petani, Kedah	 (D/L) 04-4211727 / 1944 / 2213  (T.Kerja) 04-4239111  04-4238442  pbsgptni@mohr.gov.my
Kulim	Cawangan	JKR 789, Jalan Pondok Labu, 09000 Kulim, Kedah	 (D/L) 04-4906566 / 9093  (T.Kerja) 04-4909111  04-4913052  pbklim@mohr.gov.my
Langkawi	Cawangan	Tingkat 1, Kompleks LADA, Persiaran Putra, 07007 Langkawi, Kedah	 (D/L) 04-9667173  (T.Kerja) 04-9669111  04-9667175  pbkawi@mohr.gov.my
PULAU PINANG Georgetown	Negeri Cawangan	Tingkat 2, Bangunan Tuanku Syed Putra, 10300 Pulau Pinang	 (D/L) 04-2613123 / 2625536  (T. Kerja) 04-2639111  04-2638605  jbppinang@mohr.gov.my



BAHAGIAN ALAMAT PEJABAT-PEJABAT TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA 2006

PEJABAT	STATUS	ALAMAT	TELEFON, FAKSIMILI, E-MAIL
Butterworth	Cawangan	Bangunan Jabatan Tenaga Kerja, Jalan Bagan Luar, 12000 Butterworth, Pulau Pinang	(D/L) 043322644 / 3313751 (T. Kerja) 04-3239111 04-3232534 pbbworth@mohr.gov.my
PERAK Ipoh	Negeri Cawangan	No. 2A3, 2A4, 2C1, Tingkat 2 Blok A, Bangunan Gunasama Persekutuan Ipoh, (Greentown), 30430 Ipoh, Perak	(D/L) 05-2547872 / 2549405 (T. Kerja) 05-2549111 05-2554031 jbipoh@mohr.gov.my
Kuala Kangsar	Cawangan	No. 70-D, Jalan Dato' Sagor, 33000 Kangsar, Kuala Perak	(D/L) 05-7763255 (T. Kerja) 05-7769111 05-7771578 pbkksr@mohr.gov.my
Taiping	Cawangan	Tingkat 3, Wisma Persekutuan Taiping, Jalan Istana Larut, 34009 Taiping, Perak	(D/L) 05-8072655 (T. Kerja) 05-8079111 05-8072555 pbtping@mohr.gov.my
Tapah	Cawangan	Jalan Kelab, 35000 Tapah, Perak	(D/L) 05-4011509 (T. Kerja) 05-4017111 05-4015820 pbtpah@mohr.gov.my
Teluk Intan	Cawangan	Tingkat 1, Blok B, Bangunan Persekutuan, Jalan Changkat Jong, 36000 Teluk Intan, Perak	(D/L) 05-6221199 (T. Kerja) 05-6229111 05-6231052 pbtintn@mohr.gov.my
Sitiawan	Cawangan	Tingkat 1, Bangunan Persekutuan Sri Manjung, Jalan Kayu Manis, 32040 Sitiawan, Perak	(D/L) 05-6888643 (T. Kerja) 05-6889111 05-6887643 pbstwn@mohr.gov.my
Gerik	Cawangan	Tingkat Bawah, Bangunan Persekutuan, 33300 Gerik, Perak	(D/L) 05-7912213 (T. Kerja) 05-7917980 pbgrik@mohr.gov.my
SELANGOR Subang Jaya	Negeri Cawangan	Lot B210 & C208 Tingkat 2, East Wing, Wisma Consplant 2, No. 7 Jalan SS 16A, Subang Jaya, 47509 Petaling Jaya, Selangor	(D/L) 03-56384535 (T. Kerja) 03-56329111 03-56328259 jbsgor@mohr.gov.my



BAHAGIAN ALAMAT PEJABAT-PEJABAT TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA 2006

PEJABAT	STATUS	ALAMAT	TELEFON, FAKSIMILI, E-MAIL
Pelabuhan Klang	Cawangan	Persiaran Raja Muda Musa, 42000 Pelabuhan Klang, Selangor	(D/L) 03-31686582 (T.Kerja) 03-31689111 03-31651410 pbpkg@mohr.gov.my
Rawang	Cawangan	No. 1A, Jalan Setia Rawang 1, KM 25, Jalan Ipoh, 48000 Rawang, Selangor	(D/L) 03-60916533 (T.Kerja) 03-60929111 03-60922144 pbrawang@mohr.gov.my
Bangi	Cawangan	No. 709 Tingkat Bawah, 1 & 2 Blok C, Kompleks Diamond, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor	(D/L) 03-89251000 (T.Kerja) 03-89252911 03-89252768 pbbangi@mohr.gov.my
NEGERI SEMBILAN Seremban	Negeri Cawangan	Tingkat 3, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan Persekutuan 70990 Seremban, Negeri Sembilan	(D/L) 06-7616517 / 7632459 (T.Kerja) 06-7249111 06-7616316 jbsban@mohr.gov.my
Kuala Pilah	Cawangan	564, Tingkat 2, Wisma Kuala Pilah, Jalan Seremban, 72009 Kuala Pilah, Negeri Sembilan	(D/L) 06-4811166 (T.Kerja) 06-4819111 06-4815476 pbkplah@mohr.gov.my
MELAKA	Negeri Cawangan	Tingkat 3, Blok A, Wisma Persekutuan, Jalan Hang Tuah, Peti Surat 67, 75300 Melaka	(D/L) 06-2824163 / 4651 / 4099 (T.Kerja) 06-2829111 06-2825434 jbmmlaka@mohr.gov.my
JOHOR	Negeri	Tingkat 3, Blok A, Wisma Persekutuan, Jalan Ayer Molek, Peti Surat 721, 80000 Johor Bahru, Johor	(D/L) 07-2275081 (T.Kerja) 07-2229111 07-2232303 jbjbharu@mohr.gov.my
Johor Bahru	Cawangan	Tingkat 9 & 10 Menara Ansar, Jalan Trus, 80000 Johor Bahru, Johor	(D/L) 07-2243188 / 189 (T.Kerja) 07-2229111 07-2227717 pbjbharu@mohr.gov.my
Kluang	Cawangan	Jalan Pejabat Kerajaan, Peti Surat 62, 86000 Kluang, Johor	(D/L) 07-7723646 (T.Kerja) 07-7737111 07-7718646 pbkluang@mohr.gov.my



BAHAGIAN ALAMAT PEJABAT-PEJABAT TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA 2006

PEJABAT	STATUS	ALAMAT	TELEFON, FAKSIMILI, E-MAIL
Segamat	Cawangan	No. 856 Jalan Gudang Ubat, 85000 Segamat, Johor	((D/L) 07-9317237 (T.Kerja) 07-932911 07-9320161 pbsgmt@mohr.gov.my
Muar	Cawangan	Jalan Othman, 84000 Muar, Johor	(D/L) 06-9511672 / 9520625 (T.Kerja) 07-9519111 06-9527672 pbmuar@mohr.gov.my
Batu Pahat	Cawangan	Aras 1, Bangunan Gunasama Persekutuan, Jalan Bakau Condong, 83000 Batu Pahat, Johor	(D/L) 07-4342595 (T.Kerja) 07-4315595 07-4335595 pbbpht@mohr.gov.my
PAHANG Kuantan	Negeri Cawangan	Tingkat 2, Bangunan Persekutuan, Jalan Gambut, 25532 Kuantan, Pahang	(D/L) 09-5157016 / 5103144 (T.Kerja) 09-5159111 09-5165606 jophang@mohr.gov.my
Bentong	Cawangan	Jalan Tras, 28700 Bentong, Pahang	(D/L) 09-2221402 (T.Kerja) 09-2228111 09-2231027 pbbtong@mohr.gov.my
Raub	Cawangan	Tingkat 2, Bangunan Gunasama Persekutuan, Jalan Tengku Abdul Samad, Bukit Koman, 27600 Raub, Pahang	(D/L) 09-3551166 (T.Kerja) 09-3559111 09-3558707 pbraub@mohr.gov.my
Temerloh	Cawangan	Tingkat 4, Bangunan Persekutuan, Jalan Merdeka, 28000 Temerloh, Pahang	(D/L) 09-2961207 (T.Kerja) 09-2969111 092961015 pbtmih@mohr.gov.my
Pekan	Cawangan	Tingkat 2B, Bangunan Tabung Haji, Jalan Tengku Ampuan, 26600 Pekan, Pahang	(D/L) 09-4221319 (T.Kerja) 09-4224751 pbpekan@mohr.gov.my
TERENGGANU Kuala Terengganu	Negeri Cawangan	Jalan Air Jernih, 20300 Kuala Terengganu, Terengganu	(D/L) 09-6229781 (T.Kerja) 09-6239111 09-6239659 jbtgnu@mohr.gov.my



BAHAGIAN ALAMAT PEJABAT-PEJABAT TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA 2006

PEJABAT	STATUS	ALAMAT	TELEFON, FAKSIMILI, E-MAIL
Dungun	Cawangan	JKR 488, Jalan Pejabat, 23000 Dungun, Terengganu	(D/L) 09-8481844 (T.Kerja) 09-8458111 09-8452022 pbdgun@mohr.gov.my
Kemaman	Cawangan	Tingkat 2, Bangunan Persekutuan, Jalan Melur, 24000 Kemaman, Terengganu	(D/L) 09-8591831 (T.Kerja) 09-8598111 09-8591866 pbkmmn@mohr.gov.my
KELANTAN	Negeri	Tingkat 11, Bangunan Persekutuan, Jalan Bayam, 15200 Kota Bharu, Kelantan	(D/L) 09-7485078 / 2506 (T.Kerja) 09-7479111 09-7474506 jbkbaru@mohr.gov.my
Kota Bharu	Cawangan	Tingkat Bawah Bangunan Persekutuan, Jalan Bayam, 15200 Kota Bharu, Kelantan	(D/L) 09-7481870 09-7479020 jbkbaru@mohr.gov.my
Kuala Krai	Cawangan	Tingkat 3, Bangunan Kerajaan Persekutuan, 18000 Kuala Krai, Kelantan	(D/L) 09-9666381 (T.Kerja) 09-9669111 09-9666381 pbkkrai@mohr.gov.my



MALAYSIA

JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA



PUTRAJAYA

KUALA LUMPUR

PERLIS

Kangar

KEDAH

Alor Setar Sungai Petani
Pulau Langkawi Kulim

PULAU PINANG

Georgetown
Butterworth

PERAK

Ipoh Sitiawan
Kuala Kangsar Teluk Intan
Taiping Tapah
Gerik

SELANGOR

Subang Jaya Pelabuhan Klang
Rawang Bangi

NEGERI SEMBILAN

Seremban
Kuala Pilah

MELAKA

Melaka

JOHOR

Johor Bahru Muar
Batu Pahat Segamat

PAHANG

Kuantan Bentong
Pekan Temerloh
Raub

TERENGGANU

Kuala Terengganu
Dungun
Kemaman

KELANTAN

Kota Bharu
Kuala Krai



<http://jtksm.mohr.gov.my>

Sidang Redaksi



Sidang Redaksi

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia



AKARISHAM BIN SHAFIEI

MD. RASYID BIN MOKRI
(SETIAUSAHA)

BASHAH BIN BACHIK



MD. HATTA BIN
MD. JAUHAR

DR. HJ HAMA BIN IJ
ABDUL HAMID

EN. SAYAN BIN HANZAH
(KETUA SIDANG REDAKSI)



WAN ARNIDAWATI
BTE WAN ABDULLAH

SYAMSINAR BTE
HASHIM

BALQIS SALWA BTE
MOHD BAHAR

AIDA BTE BAKAR



JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA

Kementerian Sumber Manusia

Aras 5, Blok D3, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62530 Putrajaya

Talian Utama: 03-8886 5000 Pusat Panggilan: 03-8888 9111 Faks: 03-8889 2368

Email: jtksm@mohr.gov.my

Website : <http://jtksm.mohr.gov.my>